



**Pulau Besar 'suci'
dari khurafat** 20

- PKP Penuh masuk minggu kedua
- Kerajaan negeri cadang bantu mereka yang terkesan - Sulaiman
- Melaka anjur bacaan Yasin pohon perlindungan Allah
- Semakin ramai mahu mendapat vaksin
- Putrajaya sudah umum bantuan termasuk wang tunai

2,3,4,5,6,7,8,9 & 10

Antara rezeki dan kesihatan



KHIDMAT SANITASI

Rumah & Pejabat

Bendung Penularan Wabak Covid-19 dengan

bactakleen®

- Sistem rawatan Anti-Bakteria
- Jenama yang terunggul dalam pembasmian kuman

Harga serendah RM 150

Sila hubungi kami untuk mendapatkan keterangan lanjut.



010-810 8300

010-802 8300

06-283 7000

[f BactakleenMelaka](#)



Kerajaan umum pakej PEMERKASA Plus bernilai RM40 bilion

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan PEMERKASA Plus bernilai RM40 bilion dengan sejumlah 12 inisiatif dengan tiga matlamat utama untuk meningkatkan ekonomi negara dan membantu rakyat di tengah-tengah langkah sekatan pergerakan untuk membendung peningkatan jangkitan pandemik COVID-19. Tiga matlamat utama itu adalah untuk

mempertingkatkan kapasiti kesihatan awam dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion, meneruskan agenda prihatin sebanyak RM33 bilion dan menyokong kelangsungan perniagaan sebanyak RM6 bilion, kata Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"PEMERKASA Tambahan atau PEMERKASA Plus inisiatif terbaharu kerajaan untuk membantu meredakan

cabaran yang dihadapi, terutamanya akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada masa ini," katanya dalam satu pengumuman di sini, baru-baru ini.

Antara inisiatif untuk rakyat ialah bantuan Prihatin Rakyat Tambahan, bantuan pinjaman bersasar, program subsidi upah, perlindungan undang-undang, geran khas prihatin,

bas/teksi/e-hailing, diskain bil elektrik, insentif dan juga fasiliti Kemudahan Bantuan Khas (SRF) Bank Negara Malaysia (BNM).

Semenjak COVID-19 melanda negara, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM340 billion, katanya.

Sehingga kini, ia telah memanfaatkan lebih 20 juta



MUHYIDDIN

ahli isi rumah serta lebih dari 2 juta perniagaan dengan suntikan ekonomi melebihi RM200 bilion.

Justeru, terdapat lebih dari RM100 bilion lagi daripada nilai pakej rangsangan untuk disalurkan sepanjang tahun ini, kata Perdana Menteri.

Sebagai tambahan, pakej tersebut dilengkapi oleh inisiatif Belanjawan 2021 berjumlah RM322.5 billion.- BERNAMA

Kerajaan negeri cadang bantu mereka yang terkesan

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Kerajaan Melaka sedang memperincikan bantuan kepada rakyat negeri ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 penuh atau 'total lockdown' yang bermula 1 hingga 14 Jun ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, meskipun pendapatan negeri sebahagian besarnya berdasarkan pelancongan, namun dengan bantuan kerajaan Persekutuan menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) secara 'one-off' sedikit sebanyak membantu pemain industri sektor itu untuk terus bernaafas sepanjang tempoh 'total lockdown' itu.

Katanya, berikut itu pihaknya akan memperincikan bantuan yang dapat disalurkan kepada rakyat selepas Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) bermesyuarat nanti.



SULAIMAN

"Kita (kerajaan negeri) juga sedang menyediakan inisiatif dan bantuan yang akan kita salurkan kepada rakyat yang terjejas," katanya dalam Bual Bicara bersama Ketua Menteri di MelakaFM secara atas talian di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata pelbagai bentuk bantuan serta inisiatif telah disalurkan kepada rakyat sejak tahun lalu dan perkara itu akan diteruskan pada PKP 3.0 penuh ini.

"Mana yang telah saya

maklumkan dalam sidang dewan Belanjawan tahun lepas, semua insentif yang kita beri tahun lepas, kita pohon dan dibawa ke tahun ini dan akan terus meningkatkan inisiatif lain yang boleh membantu penduduk negeri Melaka," katanya.

Menurutnya, pada masa sama agensi kerajaan negeri termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) turut diarahkan untuk memberikan pelbagai insentif baharu kepada rakyat negeri.

"Seperti Majlis Bandaraya Bersejarah (MBMB), ada beberapa inisiatif yang telah dipaparkan menerusi Facebook saya, salah satunya pengurangan 50 peratus sewa gerai dan ruang niaga MBMB bagi Jun dan Julai.

"Banyak lagi insentif untuk rakyat yang dimaklumkan menerusi laman web dan Facebook PBT masing-masing sama ada MBMB, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ); Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) untuk meringankan beban rakyat," katanya.

Individu rentas negeri dicadang perlu lulus saringan COVID-19 – KM

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Melaka mencadangkan semua individu yang dibenarkan untuk rentas negeri diwajibkan lulus ujian COVID-19 (swab test) sebelum masuk ke negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, cadangan itu diputuskan dalam Si-

dang Khas Majlis Keselamatan Negera Pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan Perdana Menteri dan dihadiri menteri besar dan ketua menteri yang diadakan secara sidang video pada 31 Mei lalu.

Menurutnya, cadangan itu telah dipersetujui beberapa pihak untuk dilaksanakan di seluruh negera, namun tertakluk kepada keputusan teknikal yang akan

diputuskan nanti.

"Tindakan itu sebagai langkah pencegahan awal bagi memastikan hanya individu yang benar-benar bebas daripada sebarang gejala atau disahkan bebas daripada dijangkiti wabak berkaitan dengan melakukannya perjalanan rentas negeri.

"Tindakan itu juga bagi mengelakkan kes-kes positif wabak

berkenaan terus meningkat berpunca daripada perbuatan individu merentas negeri biarpun telah memperoleh kebenaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan," katanya menerusi kebenaran dikeluarkan Pejabat Ketua Menteri.

Jelas Sulaiman, kos untuk ujian saringan tersebut perlu ditanggung oleh majikan sekiranya ia melibatkan pekerja dan ditanggung sendiri jika melibatkan urusan peribadi.

"Ia kerana pada masa ini kiranya 70 peratus daripada mereka yang disahkan positif didapati tidak mempunyai gejala dan keadaan sedemikian amat membimbangkan.

"Sehingga kini Melaka mencatatkan kluster tertinggi rentas negeri iaitu lapan kluster sedia ada dan empat kluster tambahan," katanya lagi.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri turut menyambut baik pengumuman Perdana Menteri berkaitan Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (Pemerka +) berjumlah RM40 bilion.

Sebagai sebuah negeri yang berdasarkan pelancongan, Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan terima kasih terhadap pemberian bantuan khas one-off berjumlah RM500 kepada golongan yang terjejas termasuk pemandu pelancong.



KERAJAAN Melaka mencadangkan setiap individu yang dibenarkan untuk rentas negeri diwajibkan lulus ujian saringan COVID-19 (swab test) sebelum masuk ke negeri ini. GAMBAR FAIL

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama dan pada solatnya seorang itu dengan dua puluh lima bahagian.						
07 Jun 2021 - 13 Jun 2021 (26 Syawal 1442H - 02 Zulkaedah 1442H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
07 JUN 2021	5.48 am	7.03 am	1.12 pm	4.38 pm	7.19 pm	8.34 pm
08 JUN 2021	5.48 am	7.03 am	1.13 pm	4.38 pm	7.19 pm	8.34 pm
09 JUN 2021	5.48 am	7.03 am	1.13 pm	4.38 pm	7.19 pm	8.35 pm
10 JUN 2021	5.48 am	7.03 am	1.13 pm	4.38 pm	7.20 pm	8.35 pm
11 JUN 2021	5.48 am	7.04 am	1.13 pm	4.39 pm	7.20 pm	8.35 pm
12 JUN 2021	5.49 am	7.04 am	1.13 pm	4.39 pm	7.20 pm	8.35 pm
13 JUN 2021	5.50 am	7.04 am	1.14 pm	4.39 pm	7.20 pm	8.36 pm

Percepat kajian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) menggesa kajian mengenai vaksin untuk kanak-kanak di negara ini dipercepatkan bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, ia berikutan kes jangkitan COVID-19 membabitkan kanak-kanak setakat ini sudah mencecah 82,000 kes

dan ia menunjukkan trend yang kian membimbangkan.

Beliau berkata, pihaknya sudah berhubung dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membolehkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi kanak-kanak disegerakan.

"Mengikut data yang kita terima, jangkitan tertinggi COVID-19 membabitkan kanak-kanak ialah membabitkan mereka dalam

lingkungan 13 hingga 17 tahun yang menyumbang 33 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Jadi, saya minta di-percepatkan kerana ada negara seperti Amerika Syarikat yang sudah memberi vaksin kepada 600,000 kanak-kanaknya yang berusia 13 hingga 17 tahun. Begitu juga dengan negara jiran kita, Singapura yang sudah mulakan pemberian vaksin kepada kanak-kanak.

"Pada masa sama, saya menyeru ibu bapa agar

menerapkan pematuhan SOP dalam kalangan anak-anak mereka dan tidak membawa mereka ke tempat sesak, selain mereka juga perlu mengadakan aktiviti yang menyeronokkan di rumah untuk mengurangkan keinginan kanak-kanak keluar rumah dan terdedah kepada bahaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan tinjauan dan pemantauan petugas-petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Pusat Kuarantin dan Rawatan

COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, pada 5 Jun lepas.

Rina berkata, setakat ini, seramai 147 pesakit kanak-kanak telah ditempatkan di PKRC MITC dan daripada jumlah itu, 99 daripadanya merupakan mereka yang berumur 12 hingga 17 tahun dan 48 lagi kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Selain membuat tinjauan dari jauh, dalam lawatan itu juga beliau sempat menyampaikan beberapa



RINA

barang keperluan untuk kanak-kanak seperti buku mewarna, alat permainan dan lain-lain bagi membolehkan kesemua mereka mempunyai aktiviti untuk dilakukan ketika menjalani kuarantin.

Peperiksaan SPM dilaksanakan pada 2022 - Radzi

PUTRAJAYA - Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 akan diadakan pada tahun depan, demikian umum Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin.

Beliau berkata ujian lisan dan amali sains bagi SPM 2021 akan diadakan pada Februari 2022 manakala peperiksaan bertulis pada Mac 2022.

Jelasnya, Kementerian Pendidikan (KPM) membuat keputusan itu setelah mengambil kira keadaan semasa dan cabaran yang perlu dilalui oleh calon SPM 2021.

"Pengalaman KPM mengurus SPM 2020 membolehkan kita menjanjik tempoh atau tarikh peperiksaan 2021 ke 2022 dan yakin segala proses berkaitan dengan SPM 2021

akan berjalan lancar seperti yang dilaksanakan pada SPM 2020," katanya pada sidang media secara maya mengenai pengoperasian sekolah pada 6 Jun lepas.

Radzi berkata pelaksanaan SPM 2020 adalah mencabar kerana kali pertama dilakukan sejak negara merdeka dengan terlalu banyak penambahbaikan perlu dibuat serta melibatkan jumlah petugas yang ramai iaitu kira-kira 48,000 orang.

"Dalam pelaksanaan ini, belum ada dalam sejarah macam mana melaksanakan SPM dalam pandemik.

"Lembaga Peperiksaan mengeluarkan satu prosedur operasi standard (SOP) yang cukup

lengkap. Kalau dulu, jarak antara meja ialah 0.8 meter dan kita tingkatkan kepada 1.5 meter dan pelajar yang datang walaupun bukan tentu positif tetapi ada batuk diletakkan di dalam bilik khas yang hanya ada tiga hingga empat orang hingga hampir semua bilik darjah digunakan," katanya.

Beliau berkata jika dulu guru-guru akan berhimpun untuk membuat pemarkahan, SPM 2020 menyaksikan buat pertama kalinya dalam sejarah negara pemeriksaan kertas peperiksaan dibuat secara dalam talian.

"Itu bukan satu perkara yang mudah kerana lebih lima juta kertas peperiksaan perlu diimbaskan satu per-

satu untuk dimasukkan dalam sistem bagi membolehkan pemeriksaan secara dalam talian," katanya.

Radzi berkata keputusan SPM 2020 juga boleh disemak secara dalam talian berbanding dahulu yang memerlukan calon pergi ke sekolah untuk berbuat demikian.

Keputusan peperiksaan SPM 2020 akan diumumkan pada 10 Jun ini mulai 10 pagi melalui dua kaedah iaitu secara dalam talian dan juga khidmat pesanan ringkas (SMS).

Untuk keputusan penuh, calon boleh ke pautan myresult1.moe.gov.my atau myresult2.moe.gov.my, manakala ringkasa keputusan boleh diperoleh melalui SMS dengan menaip SPMNoKPAngkaGiliran dan hantar

ke 68886.

Seramai 401,105 calon mendaftar menduduki peperiksaan SPM 2020 yang bermula pada 22 Februari hingga 25 Mac lalu.

Radzi berkata sijil SPM sebelum ini akan dicetak selepas lima atau enam bulan selepas keputusan keluar tetapi sijil SPM 2020 akan dicetak selepas keputusan keluar.

"Ini menunjukkan dalam tempoh yang singkat ini banyak yang kita telah laksanakan dalam memastikan kejayaan SPM 2020 yang bukan sahaja merupakan SPM yang banyak cabarannya tetapi juga terlalu banyak penambahbaikan dibuat kepada pelaksanaannya," katanya. - BERNAMA

15 SJR dan pasukan pemantauan ditambah

PAYA RUMPUT – Polis Melaka menambah empat sekatan jalan raya (SJR) dan sembilan pasukan pemantauan daripada sebelum ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sepenuhnya bermula 1 Jun lalu.

Penambahan itu sebagai usaha pasukan pengawas berkenaan mempertingkatkan pemantauan dan pengawasan orang ramai bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat sepanjang tempoh itu.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti negeri, Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin berkata, bilangan SJR ditambah daripada kepada 15 berbanding 11 sebelum ini dengan kekuatan anggota 171 orang.

Katanya, ia termasuk penambahan SJR bergerak atau 'mobile' sebanyak lapan berbanding sebelum ini yang lokasinya berubah mengikut keadaan semasa.

"Pemeriksaan secara mengejut turut dilaksanakan pasukan pemantauan SOP membabitkan pegawai dan anggota berpakaian preman dengan penambahan daripada 10 sebelum ini kepada 19 pasukan dengan kekuatan seramai 80 orang.

"Manakala bagi pasukan pematuhan SOP ditingkatkan daripada 707 kepada 821 orang.

"Kedua-dua pasukan ini bertindak memantau lokasi tumpuan orang ramai termasuk premis perniagaan, rumah ibadah, pasar raya, taman rekreasi dan pejabat kerajaan selain periksaan di kawasan luar bandar termasuk laluan tikus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau SJR di Lebuh Raya Alor Gajah – Melaka Tengah – Jasin (AMJ) berhampiran Paya Rumput di sini yang turut dihadiri Pegawai Turus Ketenteraan Awam Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, Deputi Superintendant Nik Ab Halim Nik Mat.

Mengulas lanjut Mohd Hedzir berkata, bagi jumlah keseluruhan pegawai dan anggota yang terlibat dalam penugasan pelbagai aspek termasuk SJR, pasukan pemantauan dan pematuhan serta kawalan keselamatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah seramai 1,122 orang.

Jelasnya, sejak pelaksanaan PKP 3.0 yang bermula 25 Mei lalu, rakyat di negeri ini terus mematuhi SOP pelaksanaan perintah berkenaan dengan kadar pematuhan 96 peratus.

"Rakyat di negeri dinasihatkan terus berada di rumah jika tiada keperluan demi memastikan kita dapat memutuskan rantai COVID-19 daripada merebak," katanya.

PEMERKASA
 Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

3 MATLAMAT UTAMA

RM40 BILION
 MEMPERTINGKATKAN KAPASITI AWAM

RM1 BILION
 MEMPERTINGKATKAN KAPASITI KESIHATAN AWAM

- Semua golongan B40 dan rakyat terjejas ekoran kehilangan pekerjaan serta perusahaan mikro dan PKS yang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP diberi pilihan dapat kelulusan moratorium secara automatik selama tiga bulan atau boleh memilih untuk mendapatkan pengurangan bayaran balik secara ansurans sebanyak 50 peratus selama enam bulan.
- Inisiatif ini akan dilaksanakan segera pada bulan Jun.

RM33 BILION
 MENERUSKAN AGENDA PRIHATIN RAKYAT

- Meneruskan agenda prihatin rakyat. Program Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Isi rumah berpendapatan bawah RM2,500 terima RM500 ringgit.
- Isi rumah berpendapatan RM2,501 - RM5,000 terima RM300 ringgit.
- Golongan bujang terima RM100 akan dimasukkan hujung Jun.

RM6 BILION
 MENYOKONG KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

- Geran Khas Prihatin (GKP). Kadar GKP akan ditambah sebanyak RM500 kepada RM1,500.
- Bermakna hampir 1 juta PKS dan perusahaan mikro akan menerima RM1,000 pada pertengahan Jun dan RM500 pada Julai.
- Memberi Bantuan Khas one-off RM500 kepada 17,000 pemandu pelancong, 40,000 pemandu teksi, 11,000 pemandu bas sekolah, 4,000 bas persiaran, 62,000 pemandu kereta sewa dan e-hailing keseluruhannya berjumlah RM68 juta akan disalurkan pada Julai.

Infografik : Melaka Hari Ini | Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

Melaka negeri pertama miliki makmal saringan COVID-19 sendiri

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) kini dilengkapi Makmal Diagnostik COVID-19 sekali gus mencipta sejarah apabila menjadi negeri pertama diberi kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalankan ujian RT-PCR dan RTK-Ag bagi mengesan individu dijangkiti COVID-19.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kelulusan diberi KKM bagi Makmal PBM menjalankan kedua-dua ujian itu berkuat kuasa 1 Jun lepas.

Katanya, sistem Makmal Diagnostik PBM itu turut disokong oleh sistem Tracvirus, sekali gus berupaya membantu aktiviti saringan yang dijalankan oleh fasiliti kesihatan KKM, seterusnya membantu mempercepatkan usaha mengawal jangkitan wabak terbabit dalam komuniti.

"Makmal itu mampu menerima 250 sampel bagi RT-PCR dan RTK-Ag setiap hari dengan keputusan bagi RT-PCR mampu diperoleh dalam tempoh 24 jam selain RTK-Ag dalam tempoh sejam."

"Ia memberikan pilihan tambahan kepada hospital



BILIK pengambilan sampel di Makmal Diagnostik COVID-19 milik PBM.

swasta dan klinik-klinik di Melaka yang menawarkan ujian calitan (*swab test*) COVID-19 untuk mendapatkan ujian RT PCR dengan makmal ini.

"PBM juga menawarkan perkhidmatan kaunter ujian saringan bergerak atau 'drive-thru' atau 'on-site' bagi COVID-19 dengan kerjasama hospital dan klinik panel individu atau syarikat dengan tempahan awal di talian 010-530 2600," katanya dalam kenyataan dikeluarkan Pejabat Ketua Menteri, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, dengan kemudahan fasiliti baharu PBM itu ia diharap bukan sahaja mampu mengurangkan beban sampel di Hospital Melaka malah fasiliti KKM di negeri zon selatan iaitu Johor dan Negeri Sembilan.

Katanya, sehingga kini terdapat 35 fasiliti swasta yang diiktiraf bagi menjalankan ujian tersebut di seluruh negara termasuk sebuah makmal swasta di negeri ini.

"Melalui kejayaan ini, Ke-

rajan Melaka berharap kapasiti ujian saringan COVID-19 dapat ditingkatkan di Melaka sekali gus menyokong inisiatif yang kita cadangkan semasa sesi mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Pengurusan COVID-19.

"Kita mencadangkan untuk individu yang ingin mendapat kebenaran rentas negeri wajib menjalani ujian calitan COVID-19 RT-PCR dengan harapan cadangan itu mampu di terima oleh Majlis Keselamatan Negara," katanya.

Pemandu teksi tarik nafas lega

BANDARAYA MELAKA – "Syukur di atas pemberian bantuan ini kerana dapatlah membantu kami yang dah buntu nak cari pendapatan lain untuk meneruskan kelangsungan hidup."

"Dalam waktu yang sukar ini, RM500 itu ibarat durian runtuhan yang sangat besar nilainya," kata Maimunah Md Yusof, 60 yang bersyukur apabila bakal menerima bantuan 'one off' RM500 kepada pemandu teksi menerusi PEMERKASA+ yang diumumkan Perdana Menteri 31 Mei lalu.

Menurutnya, dia berterima kasih di atas bantuan yang bakal disampaikan kerana sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan pemandu teksi di negeri ini yang telah terjejas sejak wabak COVID-19 mula melanda negara.

"Sejak wabak ini melanda pendapatan kami memang merudum teruk dan mengalami 90 peratus penurunan pendapatan sehari."

"Dugaan ini amat memcabar kerana kami kehilangan banyak pelanggan ditambah bersaing dengan e-hailing menjadikan saingan semakin kuat jadi sampaikan kadang kala hanya menerima gaji RM10 sehari."

"Kebiasannya sekitar RM30 saja pendapatan sehari yang diterima dan itu pun jika bernasib baik dapatlah RM50."

"Situasi sekarang amat berbeza sekali kerana sebelum ini pendapatan sehari boleh mencecah RM100 hingga RM150, jadi dengan bantuan ini mampu membantu kami daripada bergantung kepada teksi sahaja," katanya kepada MHI.

Suasana menyediakan itu juga diamati dari bayang pemandu teksi yang tak putus menunggu penumpang dari pagi sampai ke malam menantikan pelanggan manakah yang sudi menerima perkhidmatan itu.

Seorang pemandu teksi, Nazri Daud, 60, berkata, dengan bantuan yang diberikan kerajaan nanti mampu membantu pendapatannya yang semakin terjejas.

"Alhamdulillah bersyukur dengan pemberian ini dan berharaplah akan ada inisiatif lain kepada kami kerana persaingan cukup kuat di sini."

"Dulu bolehlah dapat lima hingga enam perjalanan (trip) tapi sekarang kalau dapat dua hingga tiga trip itu pun dah bersyukur buat kami."

"Terima kasih atas bantuan RM500 ini

dan akan digunakan sewajarnya bagi menampung perbelanjaan keluarga dalam keadaan sekarang ini."

Sementara itu, seorang pemandu e-hailing, Muhammad Huzair Rosli, 24, turut meluahkan rasa syukur ke atas pemberian terbabit kepada golongan terjejas seperti dirinya.

"Syukur dapat juga gunakan duit ini untuk keluarga dan dijadikan modal untuk mengisi minyak kenderaan bagi melaksanakan pekerjaan ini."

"Sekurangnya dapatlah membantu saya melakukan kerja sampingan ini setelah terjejas dengan majikan sekarang kerana hanya menerima gaji pokok sahaja sejak penularan COVID-19," katanya.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bantuan khas berjumlah RM68 juta yang diperuntukkan menerusi paket rangsangan tambahan PEMERKASA+ yang akan diagihkan secara

bantuan 'one off' kepada pemandu pelancong, pemandu teksi, pemandu bas sekolah dan persiaran serta pemandu kereta sewa dan e-hailing yang berdaftar di negara berjumlah RM500 akan dibayar pada Julai depan."

Dijangka akan terima sampel COVID-19

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Makmal Diagnostik COVID-19 milik kerajaan negeri pertama Malaysia di bawah kendalian Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) dijangka menerima 250 sampel pertama dalam masa terdekat

Timbalan Penggar (Pembangunan Perniagaan) PBM, Muhammad Hazwan Mat Kamar berkata, selepas memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mula beroperasi 1 Jun lalu, makmal saringan itu mula menerima tempahan daripada beberapa jabatan dan agensi kerajaan serta klinik awam dan swasta.

Katanya, makmal berkenaan mampu menjalankan 250 RT-PCR dan ujian RTK-Antigen setiap hari dan keputusan akan diperolehi dalam tempoh 24 jam bagi ujian RTK-PCR manakala kurang dari satu jam bagi ujian RTK-Antigen.

"Kita sudah menerima tempahan dan menjangka akan menerima sampel pada minggu hadapan malah kita juga telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi membantu keperluan yang diperlukan."

"Selain itu, kita turut membuka peluang kepada agensi kerajaan atau klinik awam serta swasta dan syarikat swasta untuk menghantar sampel kepada kami," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di makmal berkenaan di Jalan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Hang Tuah Jaya di sini baru-baru ini.

Muhammad Hazwan berkata, setakat ini kapasiti untuk menjalankan saringan makmal terhad kepada 250 sehari, namun kapasiti itu akan ditingkatkan berdasarkan permintaan.

"Setakat ini tenaga kerja makmal berkenaan mencukupi bagi menampung bilangan sampel yang dihantar untuk ujian saringan terbabit," katanya.

Sebelum ini, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata Makmal Diagnostik COVID-19 PBM itu mencipta sejarah apabila diberi kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalankan ujian RT-PCR dan RTK-Ag bagi mengesan individu dijangkiti COVID-19.

Jelasnya, sistem Makmal Diagnostik PBM itu disokong oleh sistem Tracvirus, sekali gus berupaya membantu aktiviti saringan yang dijalankan oleh fasiliti kesihatan KKM, seterusnya membantu mempercepatkan usaha mengawal jangkitan wabak terbabit dalam komuniti.

Makmal saringan COVID-19 PBM itu dilengkapi dengan tiga 'Semi Auto Extractor' dan satu mesin PCR serta kit yang digunakan diluluskan oleh Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) Malaysia.

Untuk rekod, terdapat 35 fasiliti swasta di seluruh negara termasuk makmal PBM diiktiraf menjalankan kedua-dua ujian berkenaan.



HAZWAN

TYT lawat PPV Dewan Tun Ali

BUKIT KATIL – Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam membuat kunjungan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Tun Ali, di sini, baru-baru ini.

Kunjungan beliau di pusat berkenaan bersempena ulang tahun pertama dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri yang ketujuh.

Terdahulu, Mohd Ali tiba di pekarangan PPV Dewan Tun Ali, jam 11 pagi dan disambut oleh Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir menyambut ketibaan beliau, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Ismail Ali dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat.

Mohd Ali menghabiskan masa kira-kira 30 minit meninjau keadaan pusat berkenaan serta beramah mesra dengan penerima vaksin yang menerima suntikan dos pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) hari ini.

Menurut Rahmad, Yang di-Pertua negeri berpuas hati dengan kemudahan dan fasiliti disediakan di PPV serta perjalanan prosedur suntikan yang dikendalikan kait-tangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta dibantu beberapa agensi lain bagi kesesuaan orang ramai.

"Hari ini (5 Jun), seramai 800 penerima vaksin hadir menerima suntikan dos pertama dan akan kembali semula menerima suntikan kedua dalam tempoh tiga minggu lagi," katanya.



MOHD Ali (kanan) beramah mesra dengan penerima vaksin sambil diiringi Rahmad (dua kanan) ketika membuat kunjungan ke PPV Dewan Tun Ali di Bukit Katil, baru-baru ini.

Jangan bazir, beli ikut keperluan – Ismail

AYER KEROH – Pengguna perlu bijak merancang semasa membeli barang keperluan asas bagi mengelakkan pembaziran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Wira Ar. Ismail Othman berkata, ia berikutkan bekalan keperluan itu masih mencukupi di negeri ini.

"Laporan yang kita terima dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Peng-

guna (KPDNHEP) Negeri tiada masalah setakat ini.

"Cumanya terdapat sedikit aduan mengenai harga barang yang naik seperti minyak masak di dalam botol, tapi itu di luar kawalan kita kerana KPDNHEP hanya mengawal harga minyak masak di dalam paket iaitu sekilogram RM2.50," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Dalam pada itu Ismail menasihatkan supaya pengguna tidak perlu membeli barang keperluan asas dalam jumlah yang banyak hingga berlaku pembaziran.

"Bagi saya, walaupun kita dalam keadaan 'lockdown', operasi kedai masih dibuka, jadi janganlah kita beli barang terlalu banyak, kadang-kadang kita beli kena rancang untuk keperluan berapa hari."

"Contohnya roti Gardenia, tak perlu beli lebih dari keperluan kerana apabila produk roti tamat tarikh luput, ia tidak boleh makan dan akan dibuang, jadi pesanan saya, carilah barang yang boleh tahan lama serta ikut keperluan sahaja," katanya lagi.



ISMAIL

Pemilik kilang jangan tipu kehadiran pekerja – MKN Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Pemilik kilang diingatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dengan hanya membenarkan 60 peratus pekerja semasa pengoperasian premis.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat berkata, ini kerana pihaknya menerima beberapa aduan terdapat kilang ingkar SOP ditetapkan.

"MKN negeri sedang memerhati kilang-kilang ini, jangan cuba mengeksplorasi pekerja-pekerja lebih daripada 60 peratus."

"Sebab aduan kita terima ada pemilik premis suruh pekerja hadir tanpa perlu ambil kehadiran supaya bilangan itu tak lebih dari 60 peratus."

"Ini amaran awal, 60 peratus ini

bukan baru dilaksanakan, sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh lagi, jadi tiada isu tak patuh SOP," katanya kepada MHI.

Menurutnya, pihaknya buat masa ini sedang mengumpul aduan yang diterima.

"Kita dapat aduan dan cuba kumpul dari semasa ke semasa yang kita akan selaraskan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM)."

"Kita harapkan sebelum kita buat periksaan mengejut, semua kilang perlu patuh pada SOP dan jangan cuba menipu," katanya lagi.



NASRUL

Terdahulu MKN negeri mengadakan pemantauan di kilang-kilang perindustrian di Daerah Jasin semalam.

Menurut Mohd Nasrul hasil pemantauan itu pihaknya mendapati kesemua pemilik kilang mematuhi aspek beroperasi dengan hanya 60 peratus pekerja sahaja.

"Sebelum ini kami membuat pemantauan bersama-sama dengan Invest Melaka sebagai 'task force' di daerah Jasin bagi pemantauan dari segi operasi kilang."

"Kita buat operasi ini bukan berdasarkan aduan, tapi berdasarkan operasi biasa dahulu," katanya lagi.

UTC Melaka tutup sepanjang PKP Penuh

Faiz Hasan

AYER KEROH – Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Jalan Hang Tuah ditutup sementara selama 14 hari sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh di seluruh negara berkuat kuasa mulai 1 Jun.

Pengurusnya Siti Aisyah Mahmood berkata, sehubungan itu semua operasi jabatan dan agensi di dalam bangunan itu akan ditangguhkan sepanjang tempoh itu sehingga 14 Jun depan.

"Perlaksanaan penutupan ini selaras dengan arahan dikeluarkan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi menangguhkan operasi UTC sepanjang 'total lockdown' fasa pertama pada perintah itu."

"Sehubungan itu semua agensi yang terlibat dengan UTC Melaka diminta memaklumkan kepada orang awam mengenai penutupan premis masing-masing secara meluas," katanya dalam kenyataan dikeluarkan pada 31 Mei lepas.

Majlis Bacaan Yasin Perdana Peringkat Negeri Melaka Hampir 5,000 peserta maya

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Hampir 5,000 rakyat dan pelayar Facebook di negeri ini menyertai Majlis Bacaan Yasin Perdana peringkat Negeri Melaka yang disiarkan secara langsung di *Facebook Live* Melaka Hari Ini (MHI), pada 4 Jun lepas.

Majlis diadakan bertujuan memohon perlindungan dan kerahmatan Allah SWT untuk terus membantu negara dan negeri ini memerangi COVID-19 berikutan peningkat kes yang berlaku dalam negara ketika ini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengarah JAIM Datuk Che Sukri Che Mat sebagai pengajar.

Majlis julung kali diadakan dalam tempoh seketan pergerakan penuh (*total lockdown*) itu kemudiannya dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama

Sulaiman Md Ali yang bersiaran di kediamannya di Seri Bendahara, di sini.

Bacaan Yasin serentak seluruh negeri itu dimulakan kira-kira jam 9.15 pagi dikeutuai oleh Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil dan seterusnya memimpin bacaan doa di akhir acara.

Untuk rekod, majlis berkenaan akan diadakan secara mingguan pada setiap Jumaat bermula jam 9 pagi setiap minggu sehingga pandemik COVID-19 berakhir di negara ini.

Selain memohon perlindungan Allah SWT daripada ancaman pandemik, majlis itu turut mendoakan agar diberi kemenangan kepada rakyat Palestin yang dizalimi.

Orang ramai boleh mengikuti majlis berkenaan menerusi siaran langsung di *Facebook Live* MHI, Kerajaan Negeri Melaka, JAIM serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Melaka.



ANTARA individu yang sertai bacaan Yasin secara maya.

Dua PKRC pekerja asing pertama bakal beroperasi



KEM PLKN Ayer Keroh merupakan salah satu daripada dua lokasi PKRC bagi menempatkan pekerja asing di negeri ini, dijangka akan beroperasi dalam tempoh terdekat.

Farah Suhaidah Othman

AYER MOLEK – Dua Pusat Rawatan dan Kuarantin COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi menempatkan pekerja asing di negeri ini dijangka akan beroperasi dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, dua PKRC itu adalah di Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Ayer Keroh dan Dewan Bistari dengan kos rawatan pekerja dibayai majikan masing-masing.

Menurutnya, rundingan mengenai perkara itu masih dijalankan dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

"Kita tempatkan pesakit positif bagi pekerja asing di kedua-dua penempatan itu berikutan PKRC Pusat Dagan-gan Antarabangsa Melaka (MITC) tidak menerima mereka."

"Setakat ini, semua pekerja warga asing yang positif COVID-19 ditempatkan di asrama masing-masing atau lokasi yang disediakan majikan bagi menjalani proses kuarantin," katanya ketika ditemui di pejabatnya di bangunan Jawatankuasa

Pembangunan dan Penyelarasian Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Ayer Molek di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, Dewan Bistari boleh menampung lebih 200 orang manakala Kem PLKN Ayer Keroh boleh memuatkan lebih 600 orang.

Rahmad berkata, dalam pada itu, empat hospital swasta di Melaka sudah bersedia untuk menerima pesakit COVID-19 iaitu.

Katanya, tiga daripada hospital terbabit iaitu Pusat Perubatan Mahkota, Hospital Pakar Putra Melaka dan Hospital Pantai Ayer Keroh mula menerima pesakit pada 31 Mei lepas.

"Satu lagi, iaitu Pusat Perubatan Oriental sedang melaksanakan persiapan sebelum menerima pesakit COVID-19," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata kerajaan negeri bersetuju menjadikan sebuah hotel di Banda Hilir sebagai PKRC swasta bagi pesakit positif COVID-19, manakala dua lagi hotel masing-masing di Jalan Bendera dan Ayer Keroh akan dijadikan sebagai pusat kuarantin wajib.

Seri Negeri ditutup, tujuh kes positif

AYER KEROH – Pusat pentadbiran kerajaan negeri di Kompleks Seri Negeri ditutup lima hari susulan tujuh kes positif COVID-19 dikesan membabitkan kakitangan yang bertugas di bangunan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, arahan penutupan itu bagi membolehkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) menjalankan siasatan untuk mengesan kontak rapat kepada tujuh individu berkenaan.

Katanya, bagaimanapun punca jangkitan ketujuh-tujuh kes terbabit masih belum diketahui dan siasatan lanjut masih diteruskan.

"Tindakan penutupan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) secara pentadbiran berkut kuasa 31 Mei hingga 4

Jun sehingga selesai siasatan dan kerja-kerja pencegahan serta saringan dilakukan," katanya ketika dihubungi di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata tujuh kes berkenaan membabitkan enam di Blok Bentara (Kewangan) manakala satunya lagi kes di Blok Laksamana.

"Setakat ini, seramai 178 individu telah menjalani saringan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Rahmad berkata, sebanyak 299 kes dikesan dalam Kluster Berendam membabitkan sebuah kilang di Batu Berendam, 3 Jun lepas.

Berikutnya itu katanya, kilang berkenaan diarahkan tutup selama seminggu bermula 2 hingga 9 Jun bagi membolehkan langkah pencegahan dilakukan.

FOTO SUASANA MINGGU PERTAMA 'TOTAL LOCKDOWN' SEKITAR MELAKA



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anggota polis yang bertugas di sekatan jalan raya (SJR) Cherana Puteh, Alor Gajah, sambil disaksikan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kiri) pada 5 Jun lepas.


Pada masa yang sama, Sulaiman turut berkesempatan menyantuni 'frontliners' keselamatan yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM); Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) di tiga SJR iaitu di Kuala Linggi; Cherana Puteh dan Tol Simpang Ampat, Alor Gajah.



Jalan Laksamana berhadapan Bangunan Stadthuys



Jalan utama berhadapan Dataran Pahlawan Megamall dan Mahkota Parade Shopping Mall



Jalan Syed Abdul Aziz berhadapan Hotel Holiday Inn



Laluan utama pelancong berhadapan Memorial Pengisytihan Kemerdekaan

Melaka sedang perinci bantuan pengayuh beca

Faiz Hasan

AYER KEROH – Kerajaan Melaka akan memperincikan bantuan untuk pengayuh beca di negeri ini yang hilang punca pendapatan akibat pelaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula 1 hingga 14 Jun ini susulan peningkatan mendadak kes COVID-19 di seluruh negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, hakikatnya semua orang terjejas akibat pandemik itu, justeru golongan penarik beca di negeri ini diminta bersabar.

Katanya, kerajaan negeri menerusi Bahagian Promosi Pelancongan di bawah Jabatan Ketua Menteri yang dipengerusikan olehnya, memahami nasib pengayuh beca dan berusaha membantu mereka.

"Sebenarnya, sepanjang pandemik melanda kita memberikan bantuan kepada pengayuh beca tidak kurang empat kali.



JAILANI

Masing-masing dua kali pada tahun lalu dan tahun ini termasuk sumbangan hari raya serta bantuan kewangan dengan nilai tidak kurang RM2,000 bagi setiap pengayuh beca.

"Insya-Allah, beri saya sedikit masa berbincang dengan Ketua Menteri (Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali) sekiranya ada ruang kita akan beri bantuan kepada pengayuh beca," katanya dihubungi Me-

laka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata, keutamaan kini adalah memberi bantuan kit makanan kepada keluarga yang terjejas kerana menjalani perintah kuarantin.

"Kita perlu nilai semula bentuk bantuan (penarik beca) kerana sekarang keutamaan adalah memberi bantuan kit makanan kepada keluarga yang dijangkiti COVID-19 dan terpaksa dikuarantin.

"Jadi ada kejadian seperti keluarga atau individu yang menjalani kuarantin ini tidak dapat makanan dan kita hantar bekalan makanan terus ke rumah mereka," katanya.

Untuk rekod, seramai 325 pengayuh beca berdaftar di negeri ini kini hilang sumber pendapatan akibat penutupan sektor pelancongan Melaka.

Pada masa sama, beliau menasihatkan kepada rakyat yang terjejas terutama dalam sektor pelancongan yang hilang pendapatan dalam tempoh ini perlu mencari jalan penyel-



SERAMAI 325 pengayuh beca berdaftar di negeri ini kini hilang sumber pendapatan akibat penutupan sektor pelancongan Melaka. GAMBAR FAIL

saya lain bagi meneruskan kelangsungan kehidupan.

"Dalam tempoh ini kita mahukekalkan penghasilan dalam sektor pelancongan namun disebabkan kita tidak boleh berinteraksi sesama individu menyebabkan sektor ini semakin terkesan jadi pemain industri ini perlu cari kaedah lain bagi menjana pendapatan.

"Kita cuba bertahan dan ambil langkah bagaimana untuk per-

tahankan lagi dalam perkara ini dan berharap perlu sama-sama berdoa agar kita kuat dan tabah bagi menempuh cabaran COVID-19," katanya.

Rayuan pengusaha hotel

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Sektor pelancongan yang terkesan di negeri ini meminta supaya kadar pengurangan pengoperasian bil elektrik di setiap premis pelancongan diberikan secara percuma atau sekurang-kurangnya potongan sebanyak 50 peratus dan bukannya sekadar 10 peratus.

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) Madeline Kuah Wey Lee berkata ini kerana sudah jelas bukan sahaja sektor pelancongan di negeri ini tidak dapat beroperasi malah di seluruh negara.

"Sektor ini (pelancongan) memang tidak beroperasi langsung, kalau ada

kakitangan yang bekerja pun semuanya Bekerja Dari Rumah (BDR) sahaja.

"Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga sebenarnya perlu beri diskon kepada rakyat di luar sana sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka," katanya.

Sementara itu Pengurus Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Melaka Sazali Sabri turut menyatakan hasrat yang sama supaya pembayaran bil elektrik diberikan secara percuma buat pemain industri pelancongan.

"Kalau biasa operasi hotel boleh dapat 'income' lebih okaylah potongan 10 peratus, tapi bila 'lockdown' kita memang tak operasi langsung jadi rasanya bil elektrik tu boleh lah diberikan per-

cuma.

"Bila tiada bisnes, kos elektrik jatuh sampai RM1,000 sebulan, kalau bagi 10 peratus apa bezanya, sebab kita tetap tak boleh operasi," katanya yang juga Pengurus Besar Hotel MITC.

Baru-baru ini Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kerajaan melanjutkan pemberian diskon bil elektrik kepada sektor yang terjejas.

Beliau berkata ia membabitkan pengendali hotel, agensi pengembalaan dan pelancongan, premis dan kompleks beli-belah, pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan.

"Sektor yang terjejas layak me-

nerima diskon bil elektrik sebanyak 10 peratus selama tiga bulan tambahan antara Julai sehingga September 2021," katanya semasa mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA Plus) yang disiarkan secara langsung pada 31 Mei lepas.



MADELINE

Tak sangka bakal terima lagi BPR RM500

BANDARAYA MELAKA – "Pada awalnya ketika pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ingatkan hanya pengumuman biasa saja rupanya ada juga pelbagai bantuan diumumkan bagi membantu rakyat terjejas di negara ini," kata Mohd Iskandar Azman, 27.

Dia adalah antara golongan terjejas yang bakal menerima RM500 di bawah Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) di negeri ini.

Menurutnya, dia bersyukur disebabkan pelbagai bantuan diumumkan akan dimanfaatkan semua rakyat yang terjejas akibat kegawatan ekonomi melanda akibat penularan pandemik COVID-19.

"Alhamdulillah, bila dengar ada pelbagai bantuan yang diterima ini diharapkan dapat diluluskan sewajarnya kerana saya pun dicutukan dahulu dan terpaksa menunggu keputusan syarikat untuk dibenar bekerja atau pun tidak."

"Isteri pula sudah dicutukan akibat PKP Penuh malah di rumah pula ada keluarga dan adik beradik yang perlu dijaga dan ini sekali gus membantu saya meringankan bebanan yang ditanggung."

"Apabila diumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat kita terpaksa akur dengan perintahkuasaan ketat dan perlu duduk di rumah

sahajalah," katanya kepada MHI.

Rentetan daripada pengumuman itu, selain daripada golongan berkeluarga Melaka Hari Ini juga sempat melakukan tinjauan kepada individu bujang yang bakal menerima bantuan RM100 daripada inisiatif itu.

Bagi Muhammad Ezzat Haziq Muhammad Kamaruddin, 25, berkata, turut meluahkan rasa syukurnya kerana individu sepertinya itu turut tidak terlepas daripada menerima bantuan yang bakal diagihkan itu.

Baginya yang terjejas akibat terpaksa dicutukan semata berkata terpaksa mencari jalan pekerjaan lain dengan menyertai perkhidmatan penghantaran makanan bagi menyara kehidupannya.

"Alhamdulillah ada juga usaha kerajaan untuk



MUHAMMAD EZZAT

bantu rakyat semakin susah akibat ekonomi yang semakin menurun kali ini.

"Ini merupakan satu inisiatif yang paling terbaik biarpun hanya RM100 sekurangnya ia membantu saya dan dapatlah dijadikan sebagai modal bagi memulakan pekerjaan."

"Kepada anak muda yang masih ada kudrat perlu maju kehadapan dan jangan memilih pekerjaan tapi perlu serahkan bakat yang ada dalam keadaan ini kerana sekurangnya kita melakukan sesuatu yang berfaedah dan tidak hanya bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata," katanya.

Perdana Menteri pada 31 Mei lalu bersetuju meluluskan BPR berjumlah RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan bawah RM2,500 sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh atau 'total lockdown' bermula 1 Jun hingga 14 Jun depan.

Bagi isi rumah berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000 pula bakal menerima BPR berjumlah RM300, manakala individu bujang menerima RM100.

Bantuan merupakan sebahagian daripada inisiatif Bantuan PEMERKASA Tambahan atau PEMERKASA + dengan nilai suntikan berjumlah RM2.1 bilion.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondame@7@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor7riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyann90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABA BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN &
PENGILKANAN
NAQUIB TAUJUDIN
naquib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
raihanah3@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHAIIDZIR
khalidzir@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYARI
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmaili@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAHLANI
aufalzatl99@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Kilang elektronik dibuka hanya babitkan empat blok – KM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Sebuah kilang elektronik di Batu Berendam yang sebelum ini diarrah tutup seminggu, kembali beroperasi 5 Jun lalu selepas mendapat kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan syarat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, berdasarkan laporan yang diterimanya, hanya empat blok kilang berkenaan sahaja dibenarkan beroperasi, be-

rikutan pekerja di blok berkenaan telah menjalani ujian saringan COVID-19 sebanyak dua kali dan disahkan negatif.

Bagaimanapun, katanya kilang berkenaan boleh ditutup serta merta sekiranya didapati lebih lima peratus pekerja yang hadir disahkan positif COVID-19 menerusi ujian saringan RTK Antigen yang dijalankan setiap hari.

"Kilang berkenaan juga hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 30 peratus pekerja sahaja buat masa ini dan tidak boleh lebih daripada kapasiti yang ditetapkan.

"Mengikut laporan KKM, hanya blok 3, 4, 5 dan 6 di kilang berkenaan sahaja dibuka disebabkan pekerjanya sudah menjalani ujian saringan lebih dua kali dan disahkan negatif," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

Tambahnya, kesemua pekerja yang perlu hadir ke tempat kerja juga akan menjalani ujian saringan RTK Antigen COVID-19 setiap hari dan bayarannya akan ditanggung majikan.

"Buat masa ini, hanya 30 peratus pekerja sahaja dibenarkan bekerja di kilang berkenaan

buat masa ini.

"Bagaimanapun, kilang berkenaan boleh ditutup serta merta sekiranya didapati lebih lima peratus pekerja yang hadir disahkan positif COVID-19 menerusi ujian saringan yang dijalankan," katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai kilang berkenaan yang kembali beroperasi 5 Jun lepas walaupun telah diarahkan tutup seminggu bermula 2 sehingga 9 Jun.

Ia susulan kilang berkenaan telah merekodkan 299 kes positif COVID-19 di negeri ini menerusi Kluster Industri Batu Berendam.

Bantuan kebajikan akan diteruskan - Latipah

Faiz Hasan

TABOH NANING – Bantuan kebajikan rakyat akan terus diperluaskan di negeri ini biarpun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh berkuat kuasa.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Wira Latipah Omar berkata, bantuan kebajikan itu akan diteruskan berperingkat di negeri ini bagi membantu rakyat terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, pelbagai bentuk bantuan kebajikan telah disalurkan menerusi peruntukan kerajaan negeri dan persekutuan antaranya Tabung Amanah Kebajikan Melaka, Paket Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) serta beberapa agensi kebajikan terlibat telah menjalankan tanggungjawab itu sejak sebelum ini.

"Bantuan ini akan disampaikan berperingkat dan kesemua penerimaan sudah tersenarai berdasarkan nama berdaftar dari agensi masing-masing."

"Kita ada penerima di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) serta pelbagai lagi."

"Mereka (agensi) ini ada pelbagai bentuk bantuan tersendiri dan sedia ada telah menyampaikan kepada masyarakat secara berperingkat," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Latipah, peruntukan berkenaan juga disalurkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing dan pengagihan dilakukan di kawasan mereka secara berperingkat.

"Menerusi dana PERMAI pula kita meluluskan 24,400 penerima kit PERMAI," katanya.

Dalam pada itu menurutnya, bagi memperkasakan nilai tanggungjawab sosial kepada masyarakat beliau menyarankan semua syarikat dan pengilang besar di negeri serta ADUN kawasan perlu bersama-sama dalam menyalurkan bantuan kebajikan kepada rakyat.

Katanya, ini berikutan semua rakyat terjejas akibat penularan COVID-19 dan perlu diberi perhatian bagi mengurangkan bebanan yang ditanggung.

"Syarikat besar perlu main peranan dalam perkara ini bagi menyumbang kepada mereka yang terkesan, begitu juga ADUN kawasan yang perlu bertindak segera demi kebajikan penduduk di kawasan mereka."

"Selain itu, ahli keluarga juga perlu main peranan dalam membantu keluarga masing-masing kerana dalam keadaan sekarang semua masyarakat terjejas dan menyebabkan kerajaan memfokuskan kepada yang lebih memerlukan," katanya.



LATIPAH

Bantuan kit makanan RM2.5 juta

KRUBONG – Peruntukan makanan berjumlah RM2.5 juta akan disalurkan melalui bantuan kit makanan kepada golongan tidak berkemampuan di negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sehingga kini.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) negeri, Datuk Mohd Rafiq Naim Zamohideen, berkata bantuan kit makanan di bawah program Paket Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) itu diaghikan secara berperingkat bermula PKP 3.0 sehingga pada hari pertama Sekatan Pergerakan Penuh atau 'total lockdown' bermula 1 Jun lalu.

Menurutnya, bagi memperhalusi usaha itu beberapa badan bukan kerajaan (NGO) termasuk pertubuhan belia telah digerakkan untuk mengenal pasti serta mengagihkan bekalan makanan kepada golongan terjejas.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kit makanan kepada tiga penerima bantuan PERMAI di Paya Rumput, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Mohd Rafiq Beliau yang juga EXCO NGO Pembangunan Belia dan Sukan negeri menyeru pertubuhan belia dan NGO bagi memainkan peranan membantu bagi memastikan golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU) serta ibu tunggal yang tidak

berkemampuan memenuhi janji temu suntikan vaksin COVID-19.

"Pertubuhan belia serta NGO di negeri ini diseru bagi mengambil inisiatif agar menyediakan kenderaan untuk membawa golongan terbabit ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi memenuhi janji temu mereka."

"Perkara ini penting bagi memastikan semua golongan sasar berkenaan dapat menerima vaksin yang disediakan kerajaan tanpa dibebani masalah pengangkutan," katanya.

Kerajaan pada Januari lalu mengumumkan pemberian program kit makanan bernilai RM100 setiap satu merupakan antara 22 inisiatif telah dilaksanakan di bawah Paket Bantuan Khas 2021 dikenali PERMAI sebagai medan bagi melihara kebajikan rakyat dan menyokong kelangsungan kehidupan rakyat terjejas.



MOHD Rafiq menyampaikan bantuan kit makanan kepada salah sebuah rumah penduduk di Kampung Tampoi, Krubong, baru-baru ini.

Hanya 12 jemaah solat fardu, solat Jumaat di Melaka

Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Hanya 12 jemaah dibenarkan untuk solat fardhu berjemaah di masjid-masjid dan surau seluruh negeri berkuat kuasa 1 hingga 14 Jun ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat berkata, bilangan jemaah yang sama turut terpakai untuk solat Jumaat dan solat jenazah.

Katanya, jumlah 12 jemaah itu termasuk pegawai masjid, dan selebihnya akan ditentukan oleh jawatankuasa masjid dan surau.

“Jemaah yang tidak berpeluang untuk menunaikan solat Jumaat hendaklah menunaikan solat Zuhur di rumah masing-masing. Keputusan jawatankuasa berkaitan pemilihan jemaah adalah muktamad.

“Jika didapati trend jumlah kes jangkitan COVID-19 semakin

meningkat, kapasiti yang dibenarkan ini boleh dikurangkan serta merta,” katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Che Sukri memaklumkan, masjid dan surau di negeri ini juga boleh menyediakan satu ruangan khas, khusus untuk individu datang singgah solat bagi waktu yang sesuai untuk solat fardhu.

“Walaupun begitu, sekiranya ada risiko jangkitan atau kesuka-

ran kawalan, masjid dan surau boleh menangguhan peruntukan ini,” katanya lagi.

Pada masa sama, beliau berkata, masjid dan surau di negeri ini juga hendaklah memperdagarkan bacaan Al-Quran dan doa setiap selepas solat fardhu dan bacaan Yaasin berserta doa setiap kali selepas Maghrib dalam usaha memohon pertolongan kepada Allah SWT dalam tempoh pandemik ini.



CHE SUKRI

MAIM bangunkan aplikasi Jejak Asnaf

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Kerajaan Melaka menerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mengambil inisiatif membangunkan aplikasi ‘Jejak Asnaf’ bertujuan memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat individu yang memerlukan bantuan kebajikan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali merangkap Pengurus Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) berkata, dengan adanya aplikasi itu, proses kerja penyaluran kebajikan akan menjadi lebih efisien, ditambah pula penglibatan langsung rakyat dari segi penyaluran maklumat.

“Dengan menggunakan aplikasi ini, proses kerja yang lebih efisien dapat dilaksana-



DENGAN adanya aplikasi Jejak Asnaf, proses kerja penyaluran kebajikan akan menjadi lebih efisien, ditambah pula penglibatan langsung rakyat dari segi penyaluran maklumat

kan iaitu penyampaian maklumat berkaitan kebajikan rakyat akan disampaikan terus kepada agensi berkai-

tan melalui penglibatan langsung rakyat agar dapat mengurangkan keciran golongan yang memerlukan

bantuan.

“Lima fungsi di dalam aplikasi ini termasuklah pendaftaran pengguna; semakan

asnaf; pengisian maklumat asnaf; semakan status maklumat/aduan serta infografik berkaitan aduan,” katanya dalam kenyataan dikeluaran Pejabat Ketua Menteri, baru-baru ini.

Dalam pada itu ujarnya, menerusi pelaksanaan terbabit ia sekali gus mampu mengurangkan beberapa kes viral yang dibuat tanpa menyemak status individu berlaku selain sebagai saluran kemudahan bagi penyampaian maklumat berkaitan susah.

Menurutnya, ia turut mewujudkan saluran kemudahan kepada rakyat yang prihatin terhadap kesusahan asnaf dan mampu meningkatkan cara kerja lebih efisien dan sistematik serta boleh digunakan oleh sesiapa sahaja dan di mana sahaja.

“Malah, individu yang memerlukan bantuan juga boleh membuat permohonan

untuk diri sendiri melalui Aplikasi Jejak Asnaf MAIM dengan menyertakan maklumat asas, aduan ringkas, kategori bantuan diperlukan dan maklumat gambar asnaf, sebelum rekod aduan akan disiasat oleh petugas MAIM untuk diproses.

“Aplikasi Jejak Asnaf MAIM ini boleh dimuat turun di platform Play Store (Android) dan bakal menyusul di Apple Store (iPhone),” katanya.

Katanya, antara proses yang terlibat dalam aplikasi ini adalah pendaftaran maklumat pengguna aplikasi Jejak Asnaf MAIM; semakan nama asnaf berdaftar dengan MAIM atau tidak; menghantar maklumat asnaf yang memerlukan bantuan dan menyemak status maklumat yang telah dihantar sama ada telah diproses, berjaya atau gagal.

Kos di PKRC Kerajaan belanja RM4,000 buat seorang pesakit

AYER KEROH – Kerajaan membelanjakan sekurang-kurangnya RM4,000 bagi seorang pesakit yang dimasukkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) sepanjang 14 hari menerima rawatan di pusat itu di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata, kos itu meliputi semua perkhidmatan diterima termasuk bekalan rawatan, makanan serta pelbagai lagi yang diperuntukkan sejak pusat itu dibuka.

Katanya, setakat ini kerajaan membelanjakan hampir RM1 bilion bagi merawat kira-kira hampir 105,000 pesakit di pusat itu terutama di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

“Peruntukan itu hanyalah untuk mera-

wat pesakit sahaja dan ia tidak termasuk dengan kos untuk menubuhkan pusat itu di negera ini bagi menangani COVID-19.

“Malah, menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kerajaan memperuntukkan RM550 juta untuk menambah baik PKRC di negera ini termasuk kos pengurusan bagi pusat itu.

“Dalam fasa ‘total lockdown’ ini ia dijangka akan meningkat dan Insya-Allah kita cuba turunkan perbelanjaan itu, namun itulah hakikatnya usaha yang dilakukan



MOHD REDZUAN

kerajaan untuk mensejahteraan rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) dalam wawancara secara langsung bersama petugas barisan hadapan menerusi aplikasi Google Meet di pejabatnya, baru-baru ini.

Wawancara itu turut disertai Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mastura Mohd Yazid; Pengetua Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Melaka, Datuk Wira Latipah Omar dan Pengarah Angkatan Pertahan-

nan Awam (APM) Melaka Lettenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra.

Dalam pada itu Mohd Redzuan berkata, kerajaan kini bersiapsiaga bagi membuka PKRC baharu di negeri lain pada masa akan datang berikutan penularan wabak itu yang dijangka akan meningkat pada minggu hadapan berdasarkan analisa yang diterima.

“Kita dalam kesiapsiagaan berhubung perkara itu dengan menggunakan segala yang kita ada dan milainya agar ia tidak membebankan perbelanjaan negara.

“Dalam masa kita merancang ini, kita pula perlu memastikan supaya semua rakyat dibekalkan suntikan vaksin COVID-19 supaya kita dapat mencapai imuniti kelompok sekali gus mampu mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan di PKRC,” katanya.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Vaksinasi sebagai langkah pencegahan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

ANTIBODI membawa maksud daya pertahanan dan satu-satunya mekanisme yang mana boleh menghalang suntikan digunakan untuk tujuan melawan agen dan efektif untuk membuat kebolehdayaan tahan antibodi dalam badan.

Definasi vaksinasi juga dikenali sebagai satu proses pengaktifan sistem imun buatan manusia sebagai usaha untuk melindungi manusia daripada penyakit berjangkit.

Walau bagaimanapun, apabila antibodi badan seseorang itu lemah ia boleh diaktifkan semula melalui suntikan vaksin pelalian atau proses imunisasi boleh mengelakkan penyakit yang mendatang.

Imunisasi atau suntikan vaksin pelalian adalah bertujuan untuk menguatkan antibodi mahupun daya tahan badan terhadap penyakit.

Syariat Islam amat menitikberatkan kaedah pencegahan sama ada secara umum ataupun khususnya dalam perubatan sebagaimana dalil daripada al-Quran yang berkaitan dengan langkah pencegahan iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, "Janganlah kamu melemparkan diri kamu ke lembah kebinasaan" (Surah al-Baqarah : ayat 195).

Ayat al-Quran ini walaupun tidak menjelaskan secara terperinci tentang langkah pencegahan, namun ia adalah prinsip umum yang perlu diikuti oleh manusia untuk menjaga keselamatan diri mereka dengan tidak mendedahkan diri kepada perkara-perkara yang boleh membinas-



kan.

Manakala hadis yang berkaitan dengan langkah pencegahan, antaranya ialah hadis Rasullah SAW yang bermaksud, "Jika kamu mengetahui wabak taun berlaku di sesuatu kawasan maka janganlah kamu memasukinya. Jika ia berlaku di sesuatu kawasan yang kamu diamai maka janganlah kamu keluar dari kawasan itu".

Abu Hurayrah pula meriwayatkan sebuah hadis daripada Nabi SAW yang bermaksud, "Janganlah kamu membentangkan (mencampurkan) orang yang sakit dengan orang yang sihat" (Hadis. Abu Dawud. Bab Fi al-Tiyarah. No. 3913).

Hadis-hadis ini jelas menunjukkan tentang langkah pencegahan yang harus diambil jika berlaku sesuatu penyakit atau wabak.

Ini bertepatan dengan objektif Maqasid Syariah yang antaranya ialah menjaga nyawa (hifz al-nafs) dan harta (hifz al-mal).

Hal ini termasuk dalam isu-isu fiqh kontemporari yang memerlukan

kepada hukum supaya umat Islam faham tentang hukum pengambilan vaksin-vaksin berkaitan virus Covid-19 yang sedang melanda dunia pada ketika ini.

Seterusnya ia tidak lagi menimbulkan sebarang keraguan sama ada sesuatu vaksin yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibenarkan atau tidak menuju Syarak.

Berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang dibentangkan sebelum ini, pemberian vaksin oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menghalang sesuatu penyakit berjangkit adalah menepati tuntutan Syariat Islam.

Jadi, dengan memberi vaksinasi kepada penyakit-penyakit ini, bawan berjangkit oleh penyakit-penyakit ini dapat dielakkan dan seterusnya dapat menyelamatkan nyawa orang ramai berbanding jika langkah pencegahan ini tidak diambil.

Vaksinasi bukan sahaja menjaga individu yang mengambil vaksin tersebut, bahkan ia juga boleh men-

jaga kesihatan masyarakat keseluruhan dan mencegah penyakit berjangkit daripada menyerang mereka.

Perkara ini telah menepati objektif syarak yang dituntut oleh Islam dan menjadi keutamaan pada ketika ini untuk setiap rakyat dinegera ini mengambil suntikan vaksin ini sebagai langkah awal pencegahan.

Pada masa yang sama, Islam menggariskan panduan yang penting dalam kehidupan penjagaan kesihatan dengan melazimi kaedah rawatan yang berunsurkan halal.

Walau bagaimanapun, jika dise-

babkan keadaan yang darurat, Islam membolehkan umatnya merawat dengan menggunakan benda haram se-kadar yang perlu sahaja bagi menjaga maslahah umat dan juga Maqasid Syariah.

Justeru, amat penting bagi pengkaji dan pakar dalam bidang perubatan dan agama berkerjasama untuk menentukan sama ada boleh atau tidak untuk menggunakan sesuatu vaksin bagi menghilangkan keraguan terutamanya masyarakat awam terhadap hukum penggunaan vaksin tersebut.

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

PEMAKLUMAN

PENUTUPAN KAUNTER AGIHAN ZAKAT:

MULAI 01 JUN 2021 SEHINGGA 14 JUN 2021
SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
TUAN / PUAN BOLEH HUBUNGKAN
DI TALIAN BERIKUT :

NO. HOTLINE MAIM MELAKA TENGAH: 06 - 288 1881 / 1877 018 - 989 3486	NO. HOTLINE MAIM JASIN : 06 - 529 8417 / 8415 011 - 5775 9066
NO. HOTLINE MAIM MERLIMAU : 06 - 263 9503 / 9504 011 - 1316 3025	
NO. HOTLINE MAIM ALOR GAJAH / MASJID TANAH : 06 - 384 2699 011 - 5693 7614	

WAKTU OPERASI: 09.30 AM - 03.30 PM (ISNIN - JUMAAT)

facebook.com/maimmelaka | @maimmelaka | Majlis Agama Islam Melaka



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



Skim

BANTUAN MAIM



01  Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02  Bantuan Saran Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03  Bantuan Saran Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04  Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05  Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06  Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07  Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08  Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialysis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09  Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10  Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11  Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12  Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13  Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14  Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15  Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16  Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17  Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18  Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19  Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

PENGOPERASIAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN' FASA PERTAMA
MULAI 01 JUN - 14 JUN 2021

- **Semua mesyuarat** secara atas talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan
- **Tiada perjumpaan** atau aktiviti fizikal

Tidak dibenarkan membuat urusan peribadi dalam waktu pejabat bagi kakitangan BDR seperti

- membawa GRAB
- berniaga
- tiada di kediaman; atau
- pergi membeli belah/shopping mall

Kehadiran ke pejabat hanya boleh dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan **tidak melebihi 20%** dengan tujuan tatacara berikut :

- Pembayaran kontrak/invois/gaji
- Penyelenggaraan/keselamatan premis
- Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem & mesyuarat atas talian
- Penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum 4 jam sehari
- Waktu kerja anjal (hadir mengikuti keperluan, pulang setelah selesai tugas)
- Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja
- Mematuhi SOP KKM, MKN, JPA dan Kerajaan Negeri Melaka

Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran arahan

Arahan : Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka

Imbas kod QR | Imbas suhu badan | Pakai pelitup muka | Guna cecair sanitasi | Jaga jarak sosial | [@maimmelaka](#) | [www.maim.gov.my](#)

BILIK GERAKAN COVID-19 AGENSI AGAMA ISLAM MELAKA

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0
'TOTAL LOCKDOWN' FASA PERTAMA (01 JUN 2021 - 14 JUN 2021)

beroperasi seperti ketentuan berikut :

Hari	Masa	No Telefon
setiap hari Isnin hingga Ahad	9.30 pagi hingga 3.30 petang	06-283 7416/ 06-284 9809/ 06-283 2077 sambungan : EXT 156
Imbas kod QR	Imbas suhu badan	Pakai pelitup muka
Guna cecair sanitasi	Jaga jarak sosial	

[@maimmelaka](#) | [www.maim.gov.my](#)

GARIS PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH DAN TANAH PERKUBURAN ORANG ISLAM NEGERI MELAKA SEPANJANG TEMPoh PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) NEGERI MELAKA

PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM BUKAN KES COVID-19
a) Pengurusan jenazah orang Islam yang melibatkan proses mandi dan kafan boleh dilakukan di tempat berikut:
i. Masjid
ii. Surau
iii. Rumah kediaman (yang mendapat kebenaran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD))
b) Pengurusan solat jenazah berjemaah hanya boleh dilaksanakan di tempat berikut:
i. Masjid
ii. Surau atau
iii. Premis yang mendapat kebenaran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

KEHADIRAN AHLI KELUARGA ARWAH DI RUMAH KEDIAMAN BAGI CES BUKAN COVID-19
Kehadiran ahli keluarga di rumah kediaman arwah dibenarkan dengan tidak melebihi 20 orang pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan rumah dan memastikan tidak berlaku 3S (Sesak / Sempit / Sembang dekat).

PENGURUSAN MANDI DAN KAFAN JENAZAH ORANG ISLAM DI RUMAH, MASJID DAN SURAU BUKAN KES COVID-19
Urusan mandi dan kafan duruskan oleh tidak lebih dari 6 (enam) orang sahaja yang terdiri daripada pegawai masjid/surau dan waris.

PENGURUSAN SOLAT JENAZAH BUKAN KES COVID-19
Setelah selesai proses mandi dan kafan, solat ke atas jenazah boleh dilaksanakan di masjid dan surau dengan kehadiran sebagaimana berikut:
i. Masjid - Maksimum 20 orang; dan
ii. Surau - Maksimum 10 orang.

PENGURUSAN DI TANAH PERKUBURAN BAGI JENAZAH BUKAN KES COVID-19
Bilangan kehadiran di tanah perkuburan hendaklah tidak melebihi 20 orang tidak termasuk petugas dan pegawai masjid/surau.

PENGURUSAN JENAZAH BERKAITAN KES COVID-19 LOKASI YANG DITETAPKAN KKM
a) Pengorongan jenozah Covid-19 hanya dilaksanakan di tempat yang diprakarakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan dilaksanakan oleh kakitangan KKM dan pengurusan jenozah Covid-19 yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAM).
b) Selepas proses pengurusan kafan dan toyyammin jenozah di tempat yang diprakarakan KKM, jenozah terus dibawa ke tanah perkuburan yang ditentukan.

PENGURUSAN JENAZAH BERKAITAN KES COVID-19 DI TANAH PERKUBURAN
a) Waris dan orang awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan perkuburan kecuali yang dibenarkan oleh PKD untuk menurunkan jenazah.
b) Pengendalian jenozah di tanah perkuburan hendaklah tidak lebih dari enam (6) orang tidak termasuk petugas dari PKD.

PERKHIDMATAN BAYARAN SECARA "OnLine"

Wakaf Tunai

- Wakaf Perubatan
- Wakaf Pendidikan
- Wakaf Pembangunan
- Wakaf Masjid, Surau dan Madrasah

PEMBAYARAN WAKAF TUNAI & FIDYAH KINI BOLEH DILAKSANAKAN DI PORTAL **e-BAYAR**
Portal Rasmi e-BAYAR KERAJAAN NEGERI MELAKA Bil & Pembayaran

Fidyah

- Denda yang dikenakan ke atas orang Islam yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu @ melewatkannya pada bulan Ramadhan
- Hukumnya WAJIB disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan

FPX
Online Banking Payments

Layari laman sesawang
<https://ebayar.melaka.gov.my>

MELAKA MUJU JAYA, RAYA BAHADIAH, MENQAMATI DUNIA



APLIKASI JEJAK ASNAF

(MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA)



BANTU KAMI JEJAK ASNAF


MUAT TURUN SEKARANG DI
GOOGLE PLAY!




Jejak Asnaf MAIM
Majlis Agama Islam Melaka
(MAIM)



- 01**
DAFTAR PENGGUNA



- 02**
LAPOR ASNAF




- 03**
SEMAK LAPORAN

MOBIL JEJAK ASNAF MAIM

Majlis Agama Islam Melaka telah membangunkan sebuah Aplikasi Mobil Jejak Asnaf yang bertujuan memberi kemudahan rakyat negeri Melaka untuk menyampaikan maklumat individu yang memerlukan bantuan kebijakan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka

- 01** SALURAN KEMUDAHAN BAGI PENYAMPAIAN MAKLUMAT BERKAITAN INDIVIDU YANG MEMERLUKAN BANTUAN
- 02** KES-KES VIRAL YANG BERLAKU DAPAT DIKURANGKAN
- 03** MELAHIRKAN RAKYAT YANG PRIHATIN TERHADAP KESUSAHAN ASNAF
- 04** CARA KERJA MENJADI LEBIH EFISIEN DAN SISTEMATIK
- 05** SISTEM INI BOLEH DIGUNAKAN OLEH SESIAPA SAHAJA DAN DI MANA-MANA



- 01** PENDAFTARAN PENGGUNA BAGI KALI PERTAMA MENGGUNAKAN SISTEMINI
- 02** SEMAK ASNAF SEMAK ASNAF SAMA ADA TELAH BERDAFTAR DENGAN MAIM ATAU TIDAK
- 03** ISI MAKLUMAT ASNAF ISI MAKLUMAT ASNAF ATAU DIRI SENDIRI YANG MEMERLUKAN BANTUAN MENGIKUT KATEGORI YANG DITETAPKAN
- 04** SEMAK STATUS SEMAK STATUS MAKLUMAT / ADUAN YANG TELAH DIBUAT
- 05** INFOGRAFIK BERKAITAN ADUAN YANG TELAH DIBUAT

MYDIN

Mengapa Bayar Lebih? Belilah Dengan Harga Borong!



MYDIN
EXPRESS

<https://mydinexpress.my>



Pelbagai Pilihan Barang
Kini Boleh Didapati

BONANZA HUJUNG MINGGU | PROMOSI SAH : 7 JUN 2021

PAHA AYAM RM 10.99 /KG	INDIA FROZEN BUFFALO FQ SLICE 900 gm RM 13.99 /PAKET	IKAN BAWAL HITAM RM 21.99 /KG	KUBIS BULAT RM 1.99 /KG	UBI KELEDEK JEPUN RM 5.99 /KG
LABU MANIS RM 1.39 /KG	PIR YA 8's RM 4.99 /PAKET	MUNCHY'S Funmix / Topmix Big Value 1 kg RM 13.90 /SATU	MYRASA Malt Coklat 1 kg RM 12.90 /SATU	MINUTE MAID Pulpyp Oren / Tropical 1.5 liter BELI 2 @ RM 6.99
DUTCH LADY 123 / 456 Pelbagai Perisa 3's x 850 gm RM 67.50 /PEK	MAMEE MONSTER Ghost Pepper Mi Segera 4's x 103 gm - 121 gm BELI 3 @ RM 26.99	GHOST PEPPER Mi Segera 4's x 103 gm - 121 gm RM 30.99 /SATU	JASMINE Super 5 Beras Import 10 kg RM 2.50 /PAKET	PELITUP MUKA DEWASA Corak Raya 3 Lapis 50'S RM 5.00 /KOTAK
COLGATE Ubat Gigi Habbatus Sauda Pelbagai Variasi 120 gm RM 8.49 /SATU	AXION Pes Pencuci Pinggan Pelbagai Variasi 750 gm RM 4.99 /SATU	TOP Cecair Pencuci Pakaian Pelbagai Variasi 3.6 kg / 4 kg RM 18.69 /SATU	SOFTLAN Pelembut Fabrik Pek Isian Semula Pelbagai Variasi 1.3 liter / 1.4 liter RM 4.99 /SATU	HUGGIES Dry Pants Pek Mega S66+4 / M60 / L50 / XL42 / XXL32 RM 27.99 /SATU

KOMBO KITA JAGAKITA



RM 30

Gula Halus 1kg
Minyak Masak 1kg
Biskut Kraker 3sx123gm
Sardin Dalam Sos Tomato 155gm
Bihun 400gm
Krimer Manis 505gm
Serbuk Teh 100gm
Serbuk Kopi 100gm
Pelitup Muka "Ear Loop" 17cmx10cm 50s

BOX DUDUKRUMAH



RM 50

Beras Sst 5% 5kg
Gula Halus 1kg
Tepung Gandum 1kg
Minyak Masak 1kg
Bihun 400gm
2x Sardin Dalam Sos Tomato 155gm
Biskut Kraker 3sx123gm
Garam Halus 450gm
Krimer Manis 505gm
Serbuk Teh 100gm
Serbuk Kopi 100gm
Pelitup Muka "Ear Loop" 17cmx10cm 50s

BOX LINDUNGDIRI



RM 80

Beras Sst 5% 10kg
Gula Halus 1kg
Tepung Gandum 1kg
Minyak Masak 2kg
Kicap Lemak Manis 325ml
Kordial 1L
Bihun 400gm
3x Sardin Dalam Sos Tomato 155gm
Biskut Kraker 3sx123gm
Garam Halus 450gm
Krimer Manis 505gm
Serbuk Teh 100gm
Serbuk Kopi 100gm
Pelitup Muka "Ear Loop" 17cmx10cm 50s

BOX NORMABAHARU



RM 100

Beras Sst 5% 10kg
Gula Halus 1kg
Tepung Gandum 1kg
Minyak Masak 2kg
Kicap Lemak Manis 325ml
Sos Tomato 330gm
Sos Cili 340gm
Kordial 1L
2x Bihun 400gm
2x Sardin Dalam Sos Tomato 155gm
Biskut Kraker 700gm
Mi Goreng Segera 5sx90gm
Garam Halus 450gm
Krimer Manis 505gm
Serbuk Teh 100gm
Serbuk Kopi 100gm
Pelitup Muka "Ear Loop" 17cmx10cm 50s

DAPATKAN BOX KOMBO INI DI PASARAYA BESAR MYDIN TERPILIH ATAU MYDIN SHOPEE SEKARANG

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi: En Apparavoo 012-344 3584

Semua harga dan maklumat disahkan betul pada masa percetakan tetapi tertakluk pada perubahan tanpa sebarang notis. Segala perhatian telah diambil kira dalam penerbitan dan sebarang kesilapan yang tidak disengajakan adalah dikesali. Justeru, MYDIN Mohamed Holdings Bhd. (221448-A) tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. MYDIN juga berhak mengehadkan kuantiti barang yang dijual serta mlarang jualan kepada ahli-ahli dagangan berdasarkan pertimbangan kami.



www.mydin.com.my



[MydinMalaysia](#)



[MydinMalaysia](#)



[MydinMalaysia](#)



1 300 30 8786



WWW.KIBGIM.COM

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: ADDMATH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : ADDMATH

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4

SENARAI RUMUS

LIST OF FORMULAS

1. $x = \frac{-b \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a}$
2. $\log_a b = \frac{\log_c b}{\log_c a}$
3. $T_n = a + (n-1)d$
4. $T_n = ar^{n-1}$
5. $S_n = \frac{n}{2} [2a + (n-1)d]$
6. $S_n = \frac{a(r^n - 1)}{r-1} = \frac{a(1-r^n)}{1-r}, \quad r \neq 1$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1)- MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 1)

1. Fungsi f ditakrif oleh $f: x \rightarrow \frac{2p+2x}{3+3x}$ bagi semua nilai x kecuali $x=h$ dan p ialah pemalar.

Function f is defined as $f: x \rightarrow \frac{2p+2x}{3+3x}$ for all values of x except $x=h$ and p is a constant.

- a) Nyatakan nilai bagi h ,
State the value of h ,

- b) Diberi nilai 5 dipetakan kepada dirinya sendiri di bawah fungsi f , cari nilai bagi p .

Given that 5 is mapped onto itself for the function f , find the value of p

[3 markah/3 marks]

2. Diberi fungsi kuadratik $m(x) = x^2 + 2px + 2p(2p-2)$ mempunyai nilai minimum $h^2 + 2p^2 - 4$, dengan keadaan h dan p ialah pemalar.

Given a quadratic function $m(x) = x^2 + 2px + 2p(2p-2)$ has a minimum value $h^2 + 2p^2 - 4$, where h and p are constants.

- a) Dengan menggunakan penyempurnaan kuasa dua, buktikan bahawa $h = p-2$.

By using a method of completing the square, prove that $h = p-2$.

[4 markah/4 marks]

- b) Seterusnya, cari nilai p dan h jika graf fungsi $m(x)$ mempunyai paksi simetri $x = \frac{h^2 - 4}{-8}$, dengan keadaan $p \neq 0$.

Hence, find the values of p and h if the graph of function $m(x)$ has an axis of symmetry $x = \frac{h^2 - 4}{-8}$, where $p \neq 0$.

[3 markah/3 marks]

Jawapan

1. a) Untuk mendapatkan jawapan $x = h$, pelajar perlu melihat penyebut dalam fungsi f .

$$3+3x \neq 0$$

$$x \neq -\frac{3}{3}$$

$$x \neq -1$$

Maka $h = -1$.

- b) Nilai 5 dipetakan kepada dirinya sendiri membawa maksud:

$$f(5) = 5.$$

Maka,

$$f(x) = \frac{2p+2x}{3+3x},$$

$$f(5) = \frac{2p+2(5)}{3+3(5)},$$

$$5 = \frac{2p+2(5)}{3+3(5)},$$

$$5 = \frac{2p+10}{3+15},$$

$$90 = 2p+10,$$

$$2p = 80$$

$$p = 40.$$

2. a) Penyempurnaan kuasa dua:

$$\begin{aligned} m(x) &= x^2 + 2px + 2p(2p-2) \\ &= x^2 + 2px + \left(\frac{2p}{2}\right)^2 - \left(\frac{2p}{2}\right)^2 + 2p(2p-2) \\ &= (x+p)^2 - p^2 + 4p^2 - 4p \\ &= (x+p)^2 + 3p^2 - 4p. \text{ (bentuk vertex)} \end{aligned}$$

kerana fungsi kuadratik $m(x) = x^2 + 2px + 2p(2p-2)$ mempunyai nilai minimum $h^2 + 2p^2 - 4$. Maka dari bentuk vertex,

$$\begin{aligned} h^2 + 2p^2 - 4 &= 3p^2 - 4p \\ h^2 &= p^2 - 4p + 4 \\ h^2 &= (p-2)^2 \\ h &= p-2. \text{ (terbukti)} \end{aligned}$$

- b) Fungsi $m(x)$ mempunyai paksi simetri $x = \frac{h^2 - 4}{-8}$. Maka dari bentuk vertex

$$x + p = 0$$

$$x = -p = \frac{h^2 - 4}{-8}$$

$$8p = h^2 - 4.$$

Menggunakan persamaan dari jawapan (a),

$$h = p-2 \text{ [persamaan pertama]}$$

$$8p = h^2 - 4 \text{ [persamaan kedua]}$$

Nilai p dan h diperoleh dari persamaan serentak dengan menggunakan kaedah penggantian persamaan pertama ke dalam persamaan kedua,

$$8p = (p-2)^2 - 4$$

$$8p = p^2 - 4p + 4 - 4$$

$$p^2 - 4p - 8p = 0$$

$$p^2 - 12p = 0$$

$$p(p-12) = 0$$

$$p = 0, p = 12.$$

Kerana $p \neq 0$, maka $p = 12$. Nilai p dimasukkan semula ke dalam persamaan pertama, maka

$$h = 12 - 2$$

$$= 10.$$



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

Asmara, Nun, Kenchana: Impressions of Early Malay Newspapers and Periodicals

THE dynamism of early Bahasa Melayu newspapers and periodicals have largely been ignored. In the universities, these are blatantly understudied. Students of journalism, of media, and of Malaysian history are uninformed, even on the names of the periodicals. These are not deemed "newsworthy". Malaysian journalism schools are ambivalent on Malaysian journalism history, or the history of Malay journalism. It is not only the fading of Bahasa Melayu journalism in Malaysia. It is also of the existence of a past, cosmopolitan and vibrant.

And now, there is no love for Bahasa Melayu journalism. Little known Jawi monthly *Asmara* (Love) appeared after the War in Singapura in 1955. It survived until 1958. Published by the Geliga (Genius) Publications Bureau, it was distributed by the Malayan Magazine Distribu-

tors, Singapore. They also distributed *Rumaja* (Teenager), and *Irama* (Rhythm). *Kritik* (Critic), *Pedoman* (Guidelines), and *Pati* (Extracts) published by Pedoman Press.

Before World War II, Pulau Pinang and Singapura would generally be associated with Malay printing and publishing, apart from places like Taiping, Ipoh and later Kuala Lumpur. Some are familiar with *Jawi Peranakan* (1876-1896), *al-Imam* (1906-1908) and the influential 1930s press in *Warta Melaya* (1930-1941) and *Majlis* (1939-1941). The latter two were once led by luminaries in the like of Onn Jaafar, Ibrahim Haji Ya'akub and Abdul Rahim Kajai.

Cosmopolitan Kota Bharu and Pasir Putih in Kelantan also published Malay periodicals from the more than a century-old *Pengasoh*

(The Nurturer/from 1918), *Kenchana* (Gold or Golden/1930-31) to *Terok/Tarok* (1927). *Terok*, as listed in Roff (1961 and 1972) was published as an organ of the "Persekutuan New Club" in Pasir Putih. The founder of the club and of the monthly was Tengku Ismail Pekerma Tengku Pekerma Raja, the District Officer. *Terok/Tarok*

Mohd. Ali Ahmad al-Johari and Mohd. Damih Ibrahim. The other *Suara Benar* was the only newspaper (twice-weekly) published in Melaka before the War. Edited by Haji Mohd. Taib Haji Mohd. Hashim, *Lidah Benar* lasted for a few months from 2 September 1932 to February the year after.

The mantra of *perjuangan*

rasap dalam perkumpulan kalau dihendap kelihatan kertas bersemarak dalam sahabat empat kaum shaitan, jadinya adakah betul bagitu yang dikatakan kemajuan itu).

The monthly was first published in Seremban in 1924, and subsequently in Kuala Lumpur and Pulau Pinang. It ceased pub-

II Cosmopolitan Kota Bharu and Pasir Putih in Kelantan also published Malay periodicals from the more than a century-old *Pengasoh* (The Nurturer/from 1918), *Kenchana* (Gold or Golden/1930-31) to *Terok/Tarok* (1927). //

could probably mean *tunas*, bud or sprout.

There was a fortnightly titled *Nun* published in 1926, up north in Yan, Kedah (listed as Yen). Edited by Haji Mohd. Said, the first issue appeared on 23 February and the last was in November of 1932. The title *Nun*, is the twenty-ninth letter of the Jawi alphabet, which prefaces the Surah Al-Qalam (The Pen) of the Quran. According to Muhammad Dato' Muda in *Tarikh Surat Khabar* (Bukit Mertajam 1940), the choice of the name was held by some to have "mystic significance". The first issue on 1 Rejab 1344 (25 December 1925, though 1 Rejab was 15 January 1926) may have been a sample issue. After publishing for two months, the journal expired, only to reappear on 2 September 1932 for "a further two or three issues."

Names of early Malay newspapers and periodicals were in themselves reflective of the psyche and consciousness of its founders and editors. The titles like *Neraca* (The Scales/Singapura 1912-1915), *Chahaya Islam* (The Light of Islam/Singapura/1937), *Al-Ikhwan* (Brotherhood/Pulau Pinang, 1926), and *Pedoman Islam* (Guidelines to Islam/Seberang Perai, 1935); the *Kaum Muda* expressions in *Idaran Zaman* (Cycle of Time/Pulau Pinang, 1925-1930) and *Saudara* (Brother or Brethren/Pulau Pinang, 1928-1941) and those expressing the sentiments of *Kaum Tua* in *Lidah Benar* (True Tongue) published in Klang and *Suara Benar* (True Voice) in Melaka.

Lidah Benar appeared weekly from 3 September 1929, edited by

(struggle) and *kemajuan* (progress) were endemic before the War. The *semangat permodenan* (modernizing spirit) in the names of newspapers and periodicals can be seen in in Mohd Eunos Abdullah's *Utu-san Melayu* (Malay Messenger/1907 – 21). It was the Malay edition, and much more than a translation of the Singapore Free Press. Other periodicals were *Panduan Guru* (Guidelines for Teachers/Pulau Pinang, July 1922 – April 1945), *Dunia Melayu* (Malay World/Pulau Pinang/December 19-28 to July 1930), *Perkhabaran Dunia* (World News or Bulletin/Singapura, February – March 1932), and *Kemajuan Melayu* (Malay Progress/Singapura, April – August 1932).

The periodicals provided news of events and prevailing ideas and trends. In 1935 *Majallah Guru* (Teachers Magazine) broadcasted on the idea of *kemajuan* (progress) in Malay society:

Urban Malays are progressive in walking round the billiard table; they have become expert actors in local operas; they can dance and sing well. They look smart in their suits (with collars for neckties) and various types of hats to match. They smoke cigarettes and opium (with pipes and stylets) and they are adept at gambling with cards. Is that what we call progress?

(Orang-orang Melayu ahli bandar maju benar mengelilingi meja billiad – di medan permainan – bijak menjadi anak wayang bangawan – pandai-pandai tari menari dan nyanyi menyanyi, kakak benar memakai kot dan pentalon dengan kolar nektai dan topi bermacham – menghisap dapor atau puntong be-

lication in 1941. Khoo Kay Kim (1984) in *Malay Papers and Periodicals as Historical Sources* reminded that historians who wrote on change in Malay society, may not necessarily agree with the value of judgement passed by contemporary observers.

The attitudes of Malay periodicals toward the position of women was of much significance as an indicator of social consciousness and the idea of 'progress'. In the early 1930s, there were two periodicals portraying women. One was Kota Bharu-based *Kenchana* (from April 1930), and the other *Bulan Melayu* (Malay Month) in Johor Bahru in June of the same year. While *Kenchana* was edited by Asaad Shukri Haji Muda, *Bulan Melayu*'s editor was a woman, Hajah Zin Sulaiman, better known as Ibu Zain.

Kenchana carried contents such as "Women's Section", "Kelantan Women's Attire", "American Women", English Women," French Women" and "Italian Women." *Bulan Melayu* encouraged Malay women to look to the East, emulating the family and economic roles of their Japanese counterparts.

NEXT WEEK: In their Own Image

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

'Lega masih boleh berniaga' – Rakyat

Liana Sahabudin

BUKIT KATIL – Biarpun kerajaan melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' Fasa Pertama bermula 1 Jun lalu, namun peniaga kecil tetap diberi peluang meneruskan perniagaan menampung keperluan hidup sekaligus memberi kelegaan buat mereka.

Seorang peniaga Rosnah Mahat, 48 bersyukur masih diberikan peluang untuk meneruskan perniagaan makanan sepanjang tempoh itu di Taman Saujana Bukit Katil.

"Alhamdulillah la boleh niaga, kira ada juga pendapatan berbanding sebelum ni (PKP 1.0) tiada pendapatan dan harapkan gaji suami saja ditambah pula anak ada lima orang."

"Saya dah berniaga makanan di sini hampir lima tahun, bila PKP memang terkesan dari segi pelanggan yang datang pun berkurangan berbanding sebelum ini," katanya ketika ditemui MHI.

Katanya, pada masa sama dia turut ingin memohon Geran Khas Prihatin (GKP) yang ditambah sebanyak RM500 menjadikannya keseluruhan kepada RM1,500 di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMER-



ROSNAH bersyukur masih diberikan peluang untuk meneruskan perniagaan makanan sepanjang tempoh 'lockdown' di Taman Saujana Bukit Katil.

KASA) Tambahan.

"Sebelum ini tak sempat nak mohon, jadi kali ini memang nak mohon, sekurangnya dapatlah untuk tambah modal untuk jual air semua."

"Memang saya harapkan ban-

tuan GKP tu tapi belum mohon, khemah niaga pun dah koyak ni semua dugaan niaga masa 'lockdown,'" katanya lagi.

Manakala Wan Mohd Fauzi, 33 pula berkata cabaran buat peniaga kecil kali ini perlu ditempuhi juga

memandangkan itu adalah pendapatan utama buat peniaga sepetinya.

"Selama lima tahun berniaga, cabaran masa niaga 'lockdown' ni pelanggan kurang, banyak kilang tutup orang pun kurang lalu jadi

Memang saya harapkan bantuan GKP tu tapi belum mohon, khemah niaga pun dah koyak ni semua dugaan niaga masa 'lockdown'"

'slow' sikitlah jualan.

"Mula berniaga dari jam 11 pagi hingga pulak 6.30 petang, pelanggan tetap biasanya bila ibu bapa ambil anak balik sekolah agama mereka singgah, begitu juga dengan pekerja kilang, tapi sekarang banyak kilang dah tutup," katanya.

Katanya sejak pelaksanaan PKP dia mengalami pengurangan pendapatan hampir 50 peratus, namun itu tidak mematahkan semangat untuk dia untuk meneruskan perniagaan untuk keluarga.

Sementara itu Mohd Nor Azlan Nor Rizan, 25 dari Kampung Tehel bersyukur kerajaan masih prihatin akan nasib peniaga kecil di negeri ini.

"Dulu PKP 1.0 langsung tak dapat berniaga, jadi Alhamdulillah sekarang jauh lebih baik," katanya.

**4 UNIT
UNTUK
DIJUAL**

**TAMAN BANDAR BARU
SUNGAI UDANG**
LOT RUMAH KEDAI 2 TINGKAT

Harga Jualan dari RM 500,000 ke atas

Sale
Hubungi kami:
Minat Kemuncak Sdn Bhd
06-441 5037 / 012-311 0500



Sembelit : Apakah punca sebenarnya



DR. SHANKAR GUNARASA

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

APAKAH SEBAB-SEBAB LAIN BERKENaan SEMBELIT?

MASALAH sembelit adalah simptom yang paling lazim di ketaraan sejak dari dahulu lagi , bukan sahaja di Malaysia malah di serata dunia. Ini adalah satu satunya simptom yang pesakit seringkali membawa diri ke klinik untuk mendapat rawatan. Sudah tentunya masalah sembelit ini ada impact kepada cara kehidupan seharian kita atau "quality of life".

Tahukah anda, kajian yang telah dilakukan menunjukkan golongan wanita adalah dua kali ganda lebih kerap mengalami masalah sembelit berbanding ini dengan golongan lelaki. Fakta ini boleh di kaitkan dengan kecederaan yang di alami di otot otot tulang pinggul semasa melahirkan anak. Masalah sembelit ini akan lebih ketara lagi bila usia melebihi 70 tahun.

Apakah sebenarnya definisi sembelit? Fahaman terhadap definisi sembelit ini cukup berbeza di kalangan masyarakat kita. Adakah ianya berkaitan dengan "angin" atau kekerapan pembuangan najis yang kurang atau seringkali meneran atau pun masalah ini timbul kerana pemakanan yang kurang serat.

Berdasarkan dengan kriteria yang kini di rujukan iaitu "Rome IV criteria" di mana seseorang pesakit itu perlu mematuhi sekurang kurangnya dua daripada kriteria ini iaitu:

- Pembuangan najis kurang daripada 3 kali/ seminggu.
- Meneran (> 25 % semasa pembuangan najis).
- Penbuangan najis berketulan kecil (mirip tahi kambing).
- Sensasi tersepit di bahagian dubur (>25% semasa pembuangan najis).
- Sensasi tidak kepuasaan semasa pembuangan najis (>25% semasa pembuangan najis).
- Menggunakan jari untuk mengeluarkan najis.

Jika anda mempunyai simptom-simptom yang di nyatakan, bermakna anda mempunyai masalah sembelit. Apakah punca sebenarnya sembelit ini? Memang lazimnya sembelit sering di kaitkan dengan makanan yang kurang serat dan peminuman air yang berkurangan. Tetapi dari segi perubatan, masalah sembelit ini ada banyak puncanya yang perlu di teliti.

Antara puncanya boleh di kaitkan dengan sembelit adalah :

- a) **Gaya hidup**
kurang aktif dan pemakanan yang kurang sihat. Juga pengambilan ubatan sembelit atau "*laxatives*" yang berpanjangan boleh menyebabkan sembelit.
- b) **Ubatan**
Sesetengah ubatan untuk darah tinggi, ubatan anti-psychosis , ubat tahan sakit seperti opiates boleh menyebabkan sembelit.
- c) **Masalah endokrin**
Hormon yang kurang seperti thyroid dan calcium.

Masalah kencing manis yang tidak dirawat,

- Golongan yang berusia lebih 60 tahun dan yang telah tiba-tiba menjadi sembelit, perlu mendapat rawatan endoskopi secepat mungkin.



selain memberi implikasi kesihatan di mata dan buah pinggang, boleh menyebabkan pergerakan usus yang kurang atau "*colonic inertia*" dan menyebabkan sembelit.

d) **Barah usus**

barah usus di rektum boleh menyebabkan gangguan pembuangan najis yang seterusnya menyebabkan sembelit.

Oleh itu golongan yang berusia lebih 60 tahun dan yang telah tiba-tiba menjadi sembelit, perlu mendapat rawatan endoskopi secepat mungkin.

e) **Masalah**

disynergia lantai panggul ("Pelvic Floor Abnormality)
Obstructive Defecation Syndrome (ODS).



Orang yang mempunyai disynergia lantai panggul mempunyai masalah untuk melepas antara saraf otot abdomen dan otot panggul.Ini menyebabkan orang itu sukar untuk mendorong pergerakan usus.


Biasanya pemeriksaan awal akan dilakukan bagi mengenal pasti punca sembelit. Ini dapat dikenal pasti melalui sejarah penyakit dan pemeriksaan fizikal pesakit. Dari pada pemeriksaan ini, beberapa ujian dapat dilakukan untuk mengetahui punca sembelit. Antarananya ujian darah akan dijalankan untuk mengenal pasti punca sembelit.

Sesetengah pesakit akan dinasihati untuk menjalani prosedur kolonoskopi (memasukkan kamera ke dalam usus besar melalui dubur)

Prosedur '*anal manometry*' (tekanan anus) untuk melihat 'pressure' di dalam dubur dan '*defecating proctogram*' (x-ray aktiviti membuang air besar) akan disarankan jika pesakit menunjukkan tanda-tanda kelemahan otot pelvis atau '*obstructive defecating syndrome*'.

Bagi mengenalpasti punca sembelit, ujian komprehensif seperti ini perlu dilakukan agar rawatan yang bertepatan dapat dimulakan oleh doktor anda.. Untuk pengetahuan umum, Dr. Shankar Gunarasa di Pantai Hospital Ayer Keroh mempunyai modaliti yang canggih seperti MRI Defecography, Anal Manometry , Endoanal Ultrasound , Sitz marker dan Biofeedback training untuk merawat masalah sembelit ini.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk mengelakkan daripada muntah berdarah, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau nombor whatsapp klinik +6014 3639705



Pulau Besar 'suci' dari khurafat

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DAHULU, jika sebut sahaja nama Pulau Besar pasti ramai akan mengaitkannya sebagai 'pulau syirik' dan 'pulau kera-mat' berikutan lokasi itu sering dijadikan tempat pemujaan dan ajaran sesat.

Mungkin disebabkan itu juga menjadikan pulau yang terletak kira-kira 10 minit perjalanan dari Jeti Anjung Batu, Umbai itu kurang dikunjungi dan seolah-olah menjadi pulau yang 'mati'.

Kurangnya pengunjung ke pulau berkenaan menjadikan aktiviti khurafat dan pemujaan semakin menjadi-jadi sehingga kesan-kesan tinggalan seperti colok, kain kuning, gua bertapa dan bermacam-macam lagi boleh dilihat.

Namun, kini, semua itu hanya tinggal sejarah selepas Kerajaan Negeri Melaka bersama agensi-agensi terlibat seperti Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) giat menjalankan usaha 'menyucikan'



KERAJAAN Melaka kini sedang berusaha mengangkat martabat Pulau Besar sebagai Pusat Tamadun Islam.

semula pulau berkenaan.

Menurut Pengarah JAIM, Datuk Che Sukri Che Mat, semua tinggalan seperti tempat pemujaan, tempat bertapa dan lain-lain kini telah dibersihkan sepenuhnya.

Jelasnya, usaha itu dilakukan untuk membangunkan pulau berkenaan menjadi Pusat Tamadun Islam dan

tarikan pelancongan baharu negeri di bawah sub sektor pelancongan agama.

"Antara perancangan yang sedang dirangka ialah membina sebuah masjid terapung dengan kos anggaran RM13 hingga RM14 juta yang mana masjid itu akan menjadi antara masjid tercantik di negara ini.

"Selain itu, di sebelah utara pulau pulak bakal dibangunkan kawasan riadah serta aktiviti perkhemahan untuk pengunjung.

"Manakala, di kawasan Makam Syarifah Rodziah sehingga ke Makam 7 Beradik akan menjadi kawasan tamadun Islam yang menempatkan mu-zium Islam, Al-Quran Village

dan lain-lain," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebuah pusat tahfiz yang mampu menempatkan kira-kira 500 pelajar juga akan dibangunkan di kawasan berkenaan dalam usaha melahirkan lebih ramai agamawan di negeri ini.

Tidak terhad di situ, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Su-

laiman Md Ali sebelum ini juga telah mencadangkan agar pulau berkenaan dijadikan pulau patuh syariah yang mana pengunjung-pengunjung yang datang ke situ perlulah menutup aurat.

Jadi, selepas ini, siapa nak masuk ke kawasan Pusat Tamadun Islam di pulau ini diminta mematuhi arahan untuk menutup aurat kerana pulau ini akan dijadikan kawasan patuh syariah mengikut hasrat Ketua Menteri.

Usaha ini dilakukan adalah untuk membuktikan Melaka adalah tempat bermulanya Islam selain akan menjadi tari-kan terbaru di negeri ini.

Usaha murni kerajaan negeri dalam memastikan Pulau Besar bebas dari unsur khurafat serta ajaran sesat ternyata tepat pada masanya, kerana masih banyak sumber sejarah yang perlu dikaji di pulau mis-teri itu.

Suka atau tidak, sebagai anak jati Melaka, kita sewajarnya memulihara pulau 'ber-tuah' ini yang berpotensi menjadi lokasi pelancongan Islam termasyhur di negara ini.

Ruang Iklan Di Akhbar Melaka Hari Ini

261mm (W) x 321mm (H) Back Page	261mm (W) x 321mm (H) Page 5
RM5,000 Full Page Back Cover	RM4,000 Full Page Page 5
261mm (W) x 321mm (H) Page 7	261mm (W) x 321mm (H) Full Page ROP
RM3,500 Full Page Page 7	RM3,000 Full Page (Run of Page)
261mm (W) x 161mm (H)	129mm (W) x 161mm (H)
RM1,500 Half Page	RM800 Quarter Page
129mm (W) x 70mm (H)	60mm (W) x 60mm (H)
RM1,200 Panel Ads Front Page	RM400 Blurb Ads Front Page

2021 RATE CARD

MEDIA BASMI NEGERI MELAKA

NEWSPAPER

Peluang pengiklanan di Melaka Hari Ini			
Placement	Size	Media Value (RM)	
Fullpage Color Back Cover	32cm X 6 col	5,000	
Fullpage Color	Page 5	4,000	
Fullpage Color	Page 7	3,500	
Fullpage Color	Run of Page ROP	3,000	
Halfpag Color	Run of Page ROP	1,500	
Quarterpage Color	Run of Page ROP	800	
Panel Ad Front Cover	Frontpage	1,200	
Blurb Ad Front Cover	Frontpage	400	
Article Branded Content (Fullpage)	Run of Page ROP	1,000	
Article Branded Content (Halfpage)	Run of Page ROP	500	

WEBSITE

Size (pixel)	Duration	Media Value (RM)
5334 X 772	2 weeks	2,000
4042 X 1042	2 weeks	1,500
1080 X 1080	2 weeks	400
N/A	2 weeks	700

SOCIAL MEDIA

Size (pixel) / Duration	Frequency	Media Value (RM)
1080 X 1080	Single post	200
1080 X 1080	3 post	500
1080 X 1080	5 post	900
2 weeks	Single post	500
2 weeks	Single post	500
3 Min	Single post	500
1 Hour	N/A	1,000 - 3,000
3 - 5 Min	N/A	3,000 - 5,000

KLASSIFIED

KERJAYA

Jawatan Kosong

HARTANAH

Rumah/Tanah Untuk Dijual

AUTOMOTIF

Kereta Untuk Dijual/Barang Ganti Dan Aksesori

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DISINI

SERENDAH RM50 SAHAJA!!

‘Sang bedal’ sangkut di jaring nelayan

**Mohamad Fazrul
Abdul Majid**

SERKAM - Nelayan di Pantai Siring, di sini, gempar apabila jaring yang dilabuh untuk menangkap ikan tersangkut seekor buaya tembaga dalam kejadian lewat petang 3 Jun lepas.

Buaya dalam anggaran panjang 12 kaki (3.7 meter)

Katanya, sejurus menerima panggilan, seramai enam anggota telah digerakkan ke lokasi kejadian bagi menyelamatkan reptilia itu.

“Operasi dijalankan bermula jam 6 petang selepas menerima aduan. Kita mengambil masa kira-kira dua jam untuk menyelamatkan buaya berkenaan.

“Operasi ini turut dibantu pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ).

“Operasi itu tamat kira-kira jam 8 malam selepas buaya berkenaan selamat dibawa ke darat,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, katanya buaya dari spesies ‘*Crocodylus Porosus*’ itu telah dibawa ke Paya Indah Wetlands, Dengkil, Selangor untuk rawatan dan tinggalkan selanjutnya.



ANGGOTA PERHILITAN mengeluarkan buaya yang tersangkut di jaring di Pantai Siring, Serkam, baru-baru ini.

KYS nafi dakwaan cetus kluster COVID-19

DURIAN TUNGGAL – Kolej Yayasan Saad (KYS) memberi penjelasan berhubung penularan COVID-19 membabitkan institusi pendidikan menengah swasta itu yang telah merekodkan Kluster Jalan Kolej Yayasan di negeri ini baru-baru ini.

KYS dalam satu kenyataan memaklumkan kluster berkenaan hanya timbul membabitkan pelajar Tingkatan 5 yang perlu berada di kolej berkenaan bagi menduduki peperiksaan antarabangsa yang dijadualkan pada 4 Mei hingga 11 Jun.

Ia sekali gus menepis kegusaran orang awam yang mempersoalkan bagaimana pelajar boleh berada di kolej berkenaan sedangkan kesemua sekolah telah diarahkan tutup pada awal bulan lalu.

“KYS merupakan sebuah institusi pendidikan menengah swasta yang menawarkan Kurikulum Nilai Tambah – KSSM berserta penerapan elemen kurikulum antarabangsa.

“Untuk makluman, pelajar yang berada di sekolah adalah pelajar Tingkatan 5 yang sedang menduduki peperiksaan antarabangsa Cambridge IGSCE yang dijadualkan pada 4 Mei hingga 11 Jun ini di KYS,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebut situasi COVID-19 di kolej berkenaan kini terkawal dengan pelajar yang telah disahkan positif kini dikuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Sementara, peperiksaan Cambridge IGSCE yang ditetapkan juga akan berjalan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

“Semua pelajar yang pulang ke KYS untuk mengambil peperiksaan Cambridge IGSCE juga telah disahkan negatif COVID-19 menerusi ujian calitan RTK-Antigen,” kata kenyataan itu lagi.

“Untuk makluman, pelajar yang berada di sekolah adalah pelajar Tingkatan 5 yang sedang menduduki peperiksaan antarabangsa Cambridge IGSCE yang dijadualkan pada 4 Mei hingga 11 Jun ini di KYS”

‘Insya-Allah poket kami tidak kempis’

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Penutupan penuh atau ‘*total lockdown*’ yang bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini tidak menyebabkan nelayan terputus wang kerana sektor perikanan serta rantaianya dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berbeza dengan jangkaan awal mereka tidak dibenarkan ke laut, hari ini mereka bebas mencari rezeki untuk menyara keluarga dan membuat sedikit tabungan.

Nelayan, Mohd Ali Abu Bakar, 53, berkata sebelum larangan pergerakan penuh diumumkan, dia bimbang nelayan tidak dibenarkan beroperasi dan bakal menjelaskan pendapatannya.

“Kami hidup dengan bergantung kepada hasil tangkapan dan ada kalanya ia menggembirakan dan ada ketikanya sekadar ‘lepas’ duit petrol atau lebih teruk lagi, hanya seekor atau dua ekor ikan yang kami dapat.

“Alhamdulillah, apabila kerajaan mengumumkan penutupan penuh mulai semalam 1 Jun hingga 14 Jun ini, kami tidak terlibat, sebaliknya perikanan dikategorikan sebagai sektor penting,” katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, di sini baru-baru ini.

Abdul Rahim Azali, 34,

berkata kebenaran untuk nelayan turun ke laut amat menggembirkannya kerana selama jaring tidak dilabuhkan di tengah laut, selagi itu lah poket nelayan kering.

“Kami tidak ada gaji bulanan, sebaliknya rezeki kami bergantung kepada berapa banyak ikan yang berjaya kami daratkan dan jika tidak dibenarkan menangkap ikan, maka selama itu lah kami tida sumber pendapatan,” katanya.

Abu Noh Md Isa, 65, ber-

kata saban hari beliau menghabiskan kebanyakannya daripada waktunya dengan mencari rezeki di laut di perairan pinggir pantai Tanjung Bidara, di sini dan jika nelayan tidak dibenarkan beroperasi, dia sudah dapat menjangka poketnya akan kosong.

Selain itu, katanya, dia yakin terhindar daripada ancaman wabak COVID-19 berbanding mereka yang bekerja dalam ruang bertutup dalam bangunan.

“Alhamdulillah, sejak

mencari rezeki di laut selepas tamat perkhidmatan tentera kira-kira 20 tahun lalu, saya jarang menghidap demam, batuk atau penyakit yang berkaitan dengan pernafasan.

“Saya yakin, udara segar di laut membuatkan saya sihat tetapi semuanya adalah anugerah Allah kerana ada juga nelayan yang setiap hari turun ke laut tetapi diserang batuk dan mengalami masalah pernafasan,” katanya.



MOHD ALI (kanan) dan Roslan memasukkan rawai ke dalam perahu di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah, baru-baru ini.

‘Suara saya tidak semerdu Sharifah Aini’

Din Ahmad

AYER LIMAU – “Walau-pun nama kami sama, suara saya tidak semerdu suara Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini Syed Jaafar.

“Allahyarhamah Sharifah

Aini pandai menyanyi sedang-khan saya sekadar pandai memasak di dapur warung,” kata peniaga warung, Sharipah Aini Hussin, 49.

Dia berkata, namanya diberikan arwah datuk kerana arwah amat meminati lagu

nyanyian Sharifah Aini dan nama itu kekal hingga hari ini.

Peniaga itu berkata, setiap kali turun ke sungai untuk memancing udang galah, datuknya sering menyanyikan lagu ‘burung pungguk’ yang dipopularkan penyanyi terbabit.

Datuknya amat gembira apabila dia dilahirkan pada 1972 dan terus memberikan nama berkenaan sempena nama penyanyi pujaannya.

Dia berkata, sebagai cucu perempuan pertama, dia amat disayangi datuknya dan sering

mendapat apa yang dihajati-nya, terutama mainan kanak-kanak perempuan seperti alat memasak dan anak patung.

“Menurut ibu saya, arwah datuk tidak gemar mendengar nyanyian penyanyi lain kerana minatnya yang amat mendalam terhadap kelunukan suara Syarifah Aini,” katanya ketika ditemui di warung makannya di Kampung Paya Lebar, di sini baru-baru ini.

Mengenai perniagaannya, Sharipah Aini berkata, dia bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan kerana membentarkan perniagaan kedai makan berooperasi sepanjang penutupan penuh atau ‘total lockdown’ mulai hari ini hingga 14 Jun ini.

Katanya, walaupun sekadar menjual makanan dan minuman dengan kaedah bungkus, ia tetap memberikan kelegaan kepadanya kerana sekurang-kurangnya dia masih mampu meneruskan operasi perniagaan.

“Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada Mac tahun lalu, perniagaan saya amat ter-

kesan kerana semua sektor ekonomi ditutup dan menyebabkan pelanggan amat kurang,” katanya.

Bagaimanapun, PKP 3.0 sekarang berbeza dengan yang sebelumnya kerana sekarang masih ada pelanggan, terutama pekerja sektor perladangan, pembinaan dan pemandu lori yang lalu lalang di Jalan Masjid Tanah-Lubok Cina di hadapan warungnya.

Katanya, jenis gulai yang dimasak hari ini tidak dikurangkan berbanding sebelumnya kerana dia yakin pelanggan tetap apa, terutama mereka yang bekerja di sektor pertanian dan pemandu lori.

“Ada juga nelayan membeli nasi dan lauk di kedai saya sebelum turun ke laut pada sebelah tengah hari tetapi jualan makanan dan minuman sarapan agak kurang kerana mungkin mereka bersarapan di rumah masing-masing,” katanya.

Sehubungan itu dia tidak putus berdoa agar Tuhan mengangkat pandemik COVID-19 dan mengizinkan anggota masyarakat menjalani kehidupan seperti sedia kala.



SHARIPAH Aini tidak mengurangkan jenis lauk-pauk yang disediakan di warungnya di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina Masjid Tanah sepanjang penutupan penuh atau ‘total lockdown’ mulai 1 Jun lepas.

Tiada kaki pancing Nelayan hilang pendapatan sampingan

AYER LIMAU - Sungai Rembau, Sungai Ramuan Cina dan Kuala Linggi, di Lubok Cina, di sini yang menjadi tumpuan kaki pancing udang galah, sepi sejak setahun lalu berikut pandemik COVID-19.

Ia bakal bertambah sunyi daripada kunjungan kaki pancing apabila penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau ‘total lockdown’ Fasa Pertama dilaksanakan di seluruh negara selama 14 hari, mulai 1 Jun.

Ketidaaan kaki pancing dari daerah dan negeri lain yang sebelumnya sering menyewa bot gentian kaca nelayan untuk memancing udang galah, menyebabkan nelayan sungai di sekitar Lubok Cina kehilangan sumber pendapatan sampingan.

Pemilik bot, Mohd Taufik Ramli, 27, berkata sebelum pandemik melanda, dia sering membawa kaki pancing yang menyewa botnya untuk memancing udang galah di sungai berkenaan.

Petugas syarikat swasta itu berkata, walaupun bukan nelayan, sebagai anak jati Kampung Paya Lebar, di sini dia memiliki bot dan enjin motor sangkut 15 kuasa kuda untuk menangkap ikan, udang dan ketam pada hujung minggu serta menyewakannya kepada kaki pancing.

“Saya simpati dengan nasib 30



MOHD Taufik membawa peralatan memancing udang galah ke dalam perahu di Jeti Nelayan Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, Masjid Tanah.

pendapatan sampingan antara RM250 hingga RM1,000 sebulan berikut ketidaaan kaki pancing menyewa perahu mereka sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

“Kepahitan itu semakin berat apabila penutupan penuh dilaksanakan 1 Jun,” katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Paya Lebar baru-baru ini.

Dia berkata, sejak pandemik itu

melanda, tiada kaki pancing dari negeri lain, terutama Kuala Lumpur yang mendapatkan perkhidmatan nelayan membawa mereka memancing di sungai berkenaan.

Nelayan, Rezwan Abdul Mau-lud, 22, berkata nelayan mengenaan purata sewaan RM250 bagi empat atau lima kaki pancing dalam satu perahu dan ia termasuk kos petrol dari jeti ke lubuk udang galah.

“Jika kami boleh menyewakan-

nya empat kali sebulan, kami ada pendapatan sampingan RM1,000,” katanya.

Dia berkata, pendapatan sampingan itu bukan setakat membantu nelayan membiayai perbelanjaan keluarga, malah tabungan untuk digunakan ketika hasil tangkapan merosot atau enjin motor sangkut dan peralatan menangkap ikan rosak.

Katanya, nelayan tidak ada pili-

han, selain bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan yang ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Dia berkata, bebanan itu lebih dirasakan nelayan yang tidak memiliki lesen menangkap ikan yang tidak menerima eluan sara hidup nelayan bernilai RM300 sebulan dan kemudahan e-petrol berbanding nelayan berlesen yang menerima bantuan berkenaan.

'The Pocket Rocketman' saran guna 'trainer'

JAGUH berbasikal trek kebangsaan Mohd Azizulhasni Awang menasihatkan penggiat aktiviti sukan berbasikal tempatan supaya 'melupakan' seketika keseronokan kayuhan di luar rumah bagi membantu usaha memutuskan rantaian penularan COVID-19.

Beliau yang diberi jolokan 'The Pocket Rocketman' berkata rakyat Malaysia khususnya penggiat sukan berbasikal perlu kekal berada di rumah melainkan terdapat urusan penting seperti mana yang dibenarkan.

Mengakui aspek kesihatan dan kecerdasan tetap perlu dititikberatkan, Mohd Azizulhasni bagaimanapun berkata jogging dan senaman di sekitar kawasan kediaman sudah memadai untuk kekal aktif, tatkala situasi COVID-19 di negara ini semakin membimbangkan.

"Saya tahu ramai yang minat sukan berbasikal apatah lagi saya, tetapi dalam tempoh ini kita perlu akur supaya pergerakan boleh dikawal."

"Kalau rasa gatal sangat kaki nak kayuh tu, saya sarankan anda berkayuh di rumah menggunakan 'trainer' (cycling trainer)," kata pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik 2016 dan bekas juara dunia keirin itu menerusi video yang dimuat naik di Instagram miliknya baru-baru ini.

Tambah beliau, akses kepada aktiviti

kayuhan lebih mudah kini apabila terdapat banyak pilihan platform kayuhan secara dalam talian.

Baru-baru ini, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19 memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh atau total lockdown sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun.

Berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) am dibenarkan bagi aktiviti sukan dan rekreasi, aktiviti yang dilakukan di kawasan ter-

buka tanpa bersentuhan fizikal terhad kepada jogging dan senaman sahaja, dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya dua hingga tiga meter.

Aktiviti dibenarkan itu turut dilakukan di kawasan kejiranan bermula jam 7 pagi sehingga 8 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.- BERNAMA



AZIZULHASNI

Kegigihan 'Usain Bolt' Malaysia

juga akan buat latihan pecutan setiap hari, sekurang-kurangnya dalam jarak 50 meter (m) bagikekalkan momentum larian," katanya ketika ditemui Bernama di kediamannya di Teluk Intan, Perak, baru-baru ini.

Muhammad Azeem pernah diiktiraf sebagai atlet terpantas dunia dalam acara 200m bagi peringkat umur 16 tahun ke bawah dengan catatan masa 21.24 saat yang dilakukan pada Kejohanan Olahraga Majlis Sekolah Malaysia (MSSM) ke-61 di Johor pada 22 April 2019.

Beliau juga pernah mencuri tumpuan apabila meraih emas 100m Kejohanan Remaja Asia Tenggara di Ilagan, Filipina dengan meleburkan rekod kejohanan menerusi catatan 10.69s pada Mac 2019. Beliau turut meraih emas acara 200m dengan catatan 21.86s.

Muhammad Azeem berkata beliau mengakui agak janggal menjalani latihan secara bersendirian selain turut berdepan kekangan kekurangan peralatan berbanding atlet pecut lain yang mudah mendapatkan kemudahan tersebut melalui pemantauan penuh Majlis Sukan Negara (MSN).

"Susah memang susah (berlatih sendiri) kalau dibandingkan dengan atlet pecut yang lain yang duduk di bawah pengawasan MSN. Meraka ada fasiliti (peralatan latihan). Saya di sini, kalau nakkekalkan momentum prestasi pada tahap terbaik, kena berusaha dengan lebih kuatlah," katanya.

Mengulas mengenai sasaran peribadi, katanya, buat masa ini beliau sedang mempersiapkan diri bagi melepasi syarat kelayakan untuk beraksi dalam acara 100m di Sukan SEA Vietnam yang dijadual berlangsung di Hanoi pada 21 Nov hingga 2 Dis depan.

"Sukan SEA sasaran terbesar saya pada tahun ini. Saya akan cuba yang terbaiklah untuk lepasi had kelayakan. Saya juga harap akan ada kejohanan dalam masa terdekat ini untuk saya cuba lepasi had kelayakan yang ditetapkan untuk ke Sukan SEA," katanya.- BERNAMA



MUHAMMAD Azeem

MES-KIPUN dalam tempoh sekatan pergerakan penuh bagi mengekang penularan COVID-19, ia bukan alasan bagi pelari pecut muda negara, Muhammad Azeem Mohd Fahmi untuk berehat daripada menjalani sebarang latihan fizikal bagi mengekalkan tahap kecerasan.

Dikenali dengan julukan 'Usain Bolt Malaysia', atlet kelahiran Teluk Intan berusia 17 tahun itu berkata, beliau memperuntukkan masa sekurang-kurangnya satu jam 30 minit setiap hari melakukan aktiviti fizikal berpandukan kepada jadual mingguan yang disusun oleh jurulatih Mohd Amir Izwan Tan Abdullah.

"Kalau dari Isnin hingga Jumaat saya akan buat latihan di sebelah petang manakala Sabtu dan Ahad saya akan lakukan pada waktu pagi."

"Dari sudut latihan, saya akan tumpukan kepada latihan yang melibatkan kekuatan seluruh anggota badan seperti 'jackknife', 'sit up' dan 'half squat'. Saya

AFF pertimbang venue berpusat untuk Piala Suzuki

PERSEKUTUAN Bola Sepak ASEAN (AFF) mungkin mengubah format Piala Suzuki AFF 2020 kepada satu venue berpusat berikutan ancaman pandemik COVID-19.

Presiden AFF Mej Jen Khiev Sameth berkata hasrat persekutuan itu ialah menganjurkan kejohanan itu dalam format dan jadual penuh, termasuk di tempat sendiri dan tempat lawan pada semua peringkat tetapi pelbagai cadangan untuk kejohanan itu akan dipertimbangkan.

"Kami sedar mengenai keperluan untuk memeriksa dengan teliti dan bersedia untuk berhadapan impak pandemik, termasuk format pilihan seperti menggunakan venue berpusat.

"Kesihatan dan keselamatan pihak berkepentingan akan terus menjadi keutamaan kami dan kami memikirkan pelbagai pilihan. Pen-

gumuman selanjutnya akan dibuat pada Julai ini," kata beliau dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sementara itu, AFF juga menetapkan 10 Ogos depan untuk majlis undian rasmi tetapi butiran lanjut termasuk venue dan format akan diumumkan pada masa yang sesuai.

Lewat tahun lepas AFF mengumumkan kejohanan dwitahunan itu akan berlangsung dari 5 Dis tahun ini hingga 1 Jan 2022. Kejohanan itu pada awalnya dijadualkan dari 23 Nov hingga 31 Dis 2020 tetapi ditangguhkan ke 11 April hingga 8 Mei tahun ini berikutan pandemik COVID-19.

Malaysia muncul juara Piala AFF Suzuki di bawah bimbingan Ketua Jurulatih Datuk K Rajagobal pada 2010 dan memasuki final tiga kali pada 1996, 2014 dan 2018. -BERNAMA



Gary sedia 'gegau' bersama MUFC

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BEKAS tonggak Harimau Muda, Gary Steven Robbat menjadi milik Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) selepas dipinjamkan dari Kelab Johor Darul Ta'zim (JDT) sehingga tamat musim ini.

Perkara itu diumumkan MUFC dalam satu kenyataan yang mengalculakan kedatangan pemain berusia 28 tahun itu menyertai keluarga skuad Hang Tuah selain turut memperkenalkannya dalam satu panggilan video di laman Facebook rasmi MUFC.

Dalam video berkenaan, Gary menyatakan keterujaan untuk menyarung jersi hijau putih dan berjanji memberikan yang terbaik bersama pasukan.

"Saya cukup gembira menjadi se-


bahagian daripada keluarga Melaka United musim ini.

"Saya akan memberikan komitmen 100 peratus di dalam semua perlawanan dan saya sudah tidak sabar lagi untuk bersama pasukan ini," katanya.

Untuk rekod, Gary bukan lagi nama asing dalam arena bola sepak tempatan memandangkan beliau antara produk skuad Harimau Muda sebelum menyertai JDT pada 2015.

Pemain tengah itu juga pernah mewakili skuad bola sepak kebangsaan di pelbagai peringkat seperti Skuad Bawah 21, 23 dan Senior di peringkat antarabangsa.

Malah, ketika menyertai JDT, dia juga pernah diberi peluang berlatih bersama kelab Bundesliga, Borussia Dortmund.



'The Pocket Rocketman' saran guna 'trainer' ■ 23